

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak coronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

JALIN USAHA SAMA, PERTAHANKAN HUBUNGAN ISTIMEWA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan titah pada Majlis Santap Negara bagi meraikan Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan isteri, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam di Istana Nurul Iman. - Foto : Masri Osman.

Oleh : Marlinawaty Hussin
 Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Januari. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura berkongsi hubungan kukuh yang telah terjalin sebelum tertubuhnya hubungan diplomatik yang formal antara kedua buah negara, empat dekad yang lalu.

Ia bermula dengan persahabatan rapat antara Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, dan mendiang Perdana Menteri, Lee Kuan Yew, pada tahun 1960-an.

>> Muka 2

NBD, India tingkatkan kerjasama peringkat serantau

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

GADONG, Jumaat, 26 Januari. - Suruhanjaya Tinggi India di Negara Brunei Darussalam (NBD), malam tadi meraikan Hari Republik India Ke-75 menerusi Majlis Resepsi yang berlangsung di The Rizqun International Hotel, di sini.

Hadir bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada majlis berkenaan, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

>> Muka 15

Fokus program strategik pupuk syarikat 'startup' sedia eksport

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

GADONG, Rabu, 24 Januari. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin

Liew bin Abdullah menjelaskan bahawa kita mengakui akan kepentingan dalam memupuk ekosistem yang membolehkan syarikat startup di Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 16



Berita Utama



BKISHHB tumpuan lawatan Isteri Presiden Republik Singapura

Muka 13



TAHLIL di Kubah Makam Diraja sempena 103 Tahun Penubuhan PPDB

Muka 17



EKSESAIS MAJU BERSAMA : Tingkat kesalingoperasian, berkongsi kepakaran

Muka 19



RENCANA

BERMUKUN, adat Melayu yang tidak lapuk ditelan zaman

Muka 30

IHP Disember 2023 catat peningkatan

Siaran Akhbar : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Januari. - Kadar inflasi keseluruhan pada tahun 2023 meningkat secara perlahan sebanyak 0.4 peratus berbanding tahun 2022 (3.7 peratus). Ini adalah didorong oleh kenaikan indeks makanan dan minuman ringan sebanyak 2.7 peratus terutamanya harga minuman ringan (6.4 peratus) dan beras serta bijirin (4.5 peratus).

Manakala, indeks bukan makanan menunjukkan penurunan sebanyak 0.2 peratus, berikutan penurunan harga perhubungan (3.1 peratus) dan pengangkutan (2.6 peratus).

Indeks Harga Pengguna (IHP) pada bulan Disember 2023 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.7 peratus berbanding bulan Disember 2022, didorong oleh kenaikan indeks makanan dan minuman ringan serta indeks bukan makanan masing-masing sebanyak 2.1 peratus dan 0.3 peratus.

Kenyataan tersebut dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam siaran akhbar mengenai IHP bagi Disember dan Tahunan 2023 Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 15

Jalin usaha sama, pertahankan hubungan istimewa

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Majlis Santap Negara bagi meraikan Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan isteri, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menghargai pertukaran mesra dan jujur kedua belah pihak mengenai cabaran serantau dan persaingan kuasa utama pada ketika itu.

Persahabatan yang berkekalan dan visi bersama bagi kedua buah negara tersebut untuk menjalin usaha bersama titah Kebawah DYMM, telah membawa kepada kerjasama yang kukuh dalam kesalingtutuhan mata wang dan hubungan pertahanan yang

sangat baik, yang terus kita nikmati hari ini.

"Beta sukacita melihat pemimpin generasi muda kita turut memupuk persahabatan yang istimewa ini.

"Beta gembira bahawa Timbalan Perdana Menteri Lawrence Wong baru-baru ini mengetuai delegasi Singapura untuk golongan program Young Leaders, yang tahun ini telah mencapai tahun ke-10," titah baginda.

Program ini titah baginda, merupakan asas penting untuk memastikan hubungan peribadi yang kukuh dan rapat antara pegawai-pegawai kedua buah negara yang akan bertahan dengan baik hingga ke masa hadapan.

Dalam pada itu, baginda bertitah bahawa NBD dan Republik Singapura akan menyambut 40 tahun persahabatan diplomatik pada tahun ini.

Baginda bertitah, di samping mengingati pencapaian yang telah dikongsi selama bertahun-tahun dan memandang ke arah masa hadapan, adalah penting untuk kedua-dua terus bekerjasama bagi menjaga aspirasi dan kepentingan bersama.

"Beta sukacita dengan komitmen bersama kedua buah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan titah pada Majlis Santap Negara bagi meraikan Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan isteri, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam di Istana Nurul Iman.

negara untuk memperdalam lagi hubungan perdagangan dalam makanan, produk perubatan dan tenaga. Selain itu, kita juga terus memupuk program pertukaran rakyat-ke-rakyat yang lebih mantap yang akan mengukuhkan lagi pertalian yang dikongsi antara rakyat.

"Di luar hubungan dua hala pula, NBD sentiasa menghargai kerjasama dan sokongan yang diberikan Singapura ke atas negara ini di ASEAN, terutama

semasa kita berusaha ke arah Wawasan Komuniti ASEAN 2045, dan dalam mempromosikan keamanan dan kemakmuran serantau," titah baginda lagi.

Baginda seterusnya bertitah, hubungan diplomatik antara kedua buah negara yang telah terjalin selama 40 tahun merupakan kesempatan untuk diraikan dan NBD berharap untuk meneruskan hubungan istimewa dan unik dengan Singapura dalam tahun-tahun mendatang.

Terdahulu, Kebawah DYMM bertitah mengalu-alukan Lawatan Negara pertama Tuan Yang Terutama ke NBD dan mengucapkan tahniah di atas lantikan sebagai Presiden Republik Singapura Ke-9.

Baginda bertitah yakin bahawa TYT akan meneruskan Kisah Kejayaan dalam mengetuai masyarakat negara berkenaan yang pelbagai budaya ke arah lebih kecemerlangan dan inovasi dalam tahun-tahun mendatang.



WAKTU SEMBAHYANG

Januari	HARI	Rejab	IMSAB	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
27	SABTU	15	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
28	AHAD	16	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
29	ISNIN	17	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.56	6.30	7.43
30	SELASA	18	5.06	5.16	6.36	7.00	12.34	3.56	6.31	7.43
31	RABU	19	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
1	KHAMIS	20	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
2	JUMAAT	21	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan 32 25 °C	32 26 °C	32 25 °C
Pekan Bangar 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
Pekan Tutong 32 25 °C	32 26 °C	32 25 °C
Kuala Belait 32 25 °C	31 26 °C	31 25 °C

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji Cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG 27 JANUARI 2024

Amalan berzikir amalan disukai Allah Subhanahu Wata'ala

AMALAN berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala ialah satu amalan yang sangat dituntut dalam Islam. Ianya merupakan amalan yang mulia yang dapat mendekatkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Amalan berzikir juga merupakan amalan yang disukai Allah Subhanahu Wata'ala kerana apabila kita berzikir kita menzahirkan rasa syukur kita kepada Tuhan atas segala nikmat yang telah dikurniakan-Nya kepada kita. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Thabarani daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Sesungguhnya Allah berfirman : "Wahai keturunan Adam, sesungguhnya apabila kamu berzikir kepadaKu, maka kamu sungguh telah bersyukur kepada-Ku, dan apabila kamu lupa (tidak berzikir), maka kamu telah kufur kepada-Ku".

Perkataan 'zikir' berasal daripada bahasa Arab yang bererti 'ingat'. Apabila seseorang itu berzikir, ia bermaksud orang itu sedang mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dengan menyebut nama-nama Allah. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan seorang insan yang disayangi Allah Subhanahu Wata'ala dan Baginda memiliki darjat yang tinggi di sisi Allah. Baginda tidak pernah lupa untuk berzikir kepada Allah Ta'ala. Oleh itu, berzikir juga merupakan amalan Sunnah. Apabila kita merujuk kepada Al-Quran, kita akan dapat melihat beberapa cara berzikir yang ada disebutkan dalam Al-Quran. Salah satu cara untuk berzikir untuk mengingati Allah adalah dengan cara lisan iaitu dengan bertasbih di mana Subhanallah, kemudian bertahmid dengan menyebut 'Alhamdulillah', selepas itu bertakbir dengan menyebut 'Allahuakbar'. Ini boleh disambung dengan bertahlil, berselawat dan membaca Al-Quran. Kita juga boleh berzikir dan mengingati Allah di dalam hati dan dalam fikiran.

Amalan berzikir adalah amalan yang sangat mudah, sebab itulah ia menjadi amalan yang dituntut. Amalan berzikir adalah mudah kerana ia boleh dilakukan bila-bila masa, pada waktu pagi atau petang dan dalam apa jua keadaan, sama ada berdiri ataupun duduk, dalam keadaan berbaring atau melakukan pekerjaan. Dalam keadaan susah atau senang, sihat ataupun uzur kita tetap akan dapat melakukan zikir, kalau tidak secara lisan, kita boleh melakukannya dalam hati seperti yang difirmankan Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An Nisaa, ayat 103, di mana tafsirnya berbunyi, "Kemudian apabila kamu telah selesai mendirikan sembahyang maka ingatlah Allah ketika kamu berdiri dan duduk serta ketika kamu berbaring".

Mengenai zikir juga, Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Ahzab, ayat 41- 42 di mana tafsirnya berbunyi : "Wahai orang-orang yang beriman! Berzikirlah mengingati Allah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepada-Nya pada waktu pagi dan petang". - Ketua Penyuntingan (Nr)

NOTA: AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دچینق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نکارا برونی

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

MAJLIS SANTAP NEGARA SEMPENA LAWATAN NEGARA PRESIDEN REPUBLIK SINGAPURA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara bagi meraikan Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan isteri, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam serta rombongan yang mengadakan Lawatan Negara selama tiga hari ke negara ini (kiri). Sementara gambar kanan, sembah ucapan balas daripada Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam semasa Majlis Santap Negara.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara bagi meraikan Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman

Shanmugaratnam dan isteri, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam serta rombongan, yang mengadakan Lawatan Negara selama tiga hari ke negara ini.

Berangkat sama ke Majlis Santap Negara tersebut ialah ahli-ahli kerabat diraja.

Majlis Santap Negara dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya berkenan mengurniakan titah.

Ini diikuti dengan sembah

ucapan balas daripada Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura.

Dalam ucapan balasnya, Tuan Yang Terutama antara lain merakamkan tahniah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan rakyat baginda atas kemajuan dan pencapaian yang telah diraih sepanjang 40 tahun mencapai kemerdekaan.

Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam mempunyai hubungan istimewa yang telah lama terjalin menerusi hubungan simbiotik termasuk Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang yang menguntungkan bersama di peringkat antarabangsa.

>> Muka 4



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (kanan), manakala kanan sekali, antara yang hadir pada majlis santap berkenaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan semasa doa dibacakan. Berangkat sama ke Majlis Santap Negara tersebut ialah ahli-ahli kerabat diraja (atas kiri, atas kanan dan kiri).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara bagi meraikan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura dan isteri, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam serta rombongan.

>> Muka 3

TYT turut menyentuh mengenai persahabatan simbiotik dalam bidang latihan ketenteraan antara kedua buah negara.

Hubungan istimewa tersebut jelas TYT, juga berdasarkan jalinan persaudaraan yang wujud antara kerajaan dan rakyat kedua buah negara.

"Kita harus mengekalkan dan memperdalam hubungan rakyat-ke-rakyat ini.

"Kebawah DYMM dan saya bersetuju pagi ini bahawa kita harus meraikan ulang tahun ke-40 hubungan dua hala antara

dua buah negara pada tahun 2024 dengan pertukaran lawatan dan aktiviti bersama. Kami berharap ini akan merapatkan lagi hubungan antara rakyat Brunei dan Singapura dari semua lapisan

masyarakat," ujar TYT.

TYT kemudian menyatakan bahawa Singapura menghargai hubungan istimewa dengan Brunei dan komited dalam membina asas yang kukuh yang dibina oleh

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan mendiang Lee Kuan Yew.

Tambah TYT, Singapura dan NBD kini meningkatkan perkongsian strategik ke tahap

yang lebih tinggi, namun apa yang penting ialah kepercayaan antara kedua negara, dan khususnya antara generasi masa hadapan rakyat Brunei dan Republik Singapura



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berbual mesra bersama TYT Presiden Republik Singapura dan isteri (kanan dan kanan sekali).



KEBAWAH DYMM berangkat meninggalkan Majlis Santap Negara bersama TYT, dan seterusnya melambai mesra kepada rombongan Republik Singapura setelah selesai majlis santap berkenaan.

BERANGKAT KE ACARA RIADAH PAGI

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Acara Riadah Pagi bersama Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam, yang berlangsung di Taman Mahkota Jubli Emas, Bandar Seri Begawan (kiri dan atas).

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji

Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, pagi tadi berkenan berangkat ke Acara Riadah Pagi bersama Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam, yang

berlangsung di Taman Mahkota Jubli Emas, Bandar Seri Begawan.

>> Muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura semasa penanaman pokok 'Ficus Burgundy' sempena Lawatan Negara Presiden Republik Singapura (atas, atas kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura memulakan Acara Riadah Pagi dengan berjalan kaki di sekitar Taman Mahkota Jubli Emas. Turut berangkat ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan bergambar ramai bersama TYT Presiden Republik Singapura di Taman Mahkota Jubli Emas. Berangkat sama paduka-paduka anakanda baginda.

>> Muka 5

Turut berangkat ialah paduka-paduka anakanda Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Juga hadir ialah ahli-ahli delegasi Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Terdahulu itu, Kebawah Duli

Yang Maha Mulia mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura di Taman Mahkota Jubli Emas, Bandar Seri Begawan.

Seterusnya, kedua-dua pemimpin memulakan Acara Riadah Pagi dengan berjalan kaki di sekitar Taman Mahkota Jubli Emas, diikuti dengan

penandatanganan sebuah plak dan penanaman pokok 'Ficus Burgundy' sempena Lawatan Negara Presiden Republik Singapura ke negara ini.

Selesai Acara Riadah Pagi, Kebawah DYMM berkenan berangkat bersama TYT ke Tarindak d'Seni bagi menghadiri Majlis Santap Pagi.



KEBAWAH DYMM dan TYT dijunjung bagi menandatangani sebuah plak.



KEBAWAH DYMM seterusnya berkenan berangkat bersama TYT ke Tarindak d'Seni bagi Majlis Santap Pagi (atas, kiri dan bawah).



KOMITED PERKUKUH KERJASAMA DUA HALA



Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam di Cheradi Ratna Kenchana (atas dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam hari ini berkenan menerima mengadap Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan isteri, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam serta rombongan yang diadakan di Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ke Majlis Mengadap tersebut ialah ahli-ahli kerabat diraja.

Juga hadir ialah rombongan Republik Singapura serta Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Menteri Pengiring, dan isteri.

Selepas Majlis Mengadap, Kebawah DYMM berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama TYT Presiden Republik Singapura yang berlangsung di Cheradi Ratna Kenchana.

Semasa Majlis Perjumpaan ini, Kebawah DYMM dan TYT mengesahkan semula hubungan istimewa yang telah lama terjalin antara NBD dan Republik Singapura, dan mengakui kepentingan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik pada tahun ini.

Kedua-dua pemimpin juga mengalukan beberapa siri acara komemoratif bagi memperingati peristiwa penting ini, dan

bersetuju untuk menerokai usaha-usaha untuk terus memperkukuhkan kerjasama dua hala dengan mengetengahkan tiga bidang utama iaitu pertukaran antara masyarakat, tenaga yang boleh diperbaharui dan keselamatan makanan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura dan isteri, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam di Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman (atas dan atas sekali).



BERANGKAT sama pada Majlis Mengadap tersebut, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (atas, kiri dan kiri sekali).

BERANGKAT MENGALU-ALUKAN KETIBAAN PRESIDEN REPUBLIK SINGAPURA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat bagi mengalu-alukan Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan isteri, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam serta rombongan yang berada di NBD bagi mengadakan Lawatan Negara selama tiga hari (kiri dan atas).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji

Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak

Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam hari ini berkenan menerima mengadap Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman

Shanmugaratnam dan isteri, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam serta rombongan yang berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi mengadakan Lawatan Negara selama tiga hari.

Lawatan Negara, yang juga merupakan lawatan pengenalan TYT dan isteri, dimulakan dengan Majlis Sambutan Negara, di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berangkat mengalu-alukan ketibaan TYT dan isteri di perkarangan Istana Nurul Iman, dan seterusnya berangkat bersama-sama TYT dan isteri naik ke Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat dan diiringi Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara serta 21 das tembakan meriam.

Terdahulu sebelum itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat bersama Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura dan isteri dari hotel The Empire Brunei menuju ke Istana Nurul Iman.

Di sepanjang jalan menuju ke Istana Nurul Iman, Tuan Yang Terutama dan isteri disambut dengan pengibaran bendera kecil kedua-dua buah negara oleh seramai kira-kira 3,000 penuntut dan guru-guru daripada 17 buah sekolah-sekolah kerajaan dan swasta.

Kedua-dua pemimpin seterusnya beredar memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

>> Muka 9



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota ABDB bersama Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Awang
Damit, Haji Ariffin Mohd.
Noor / Morshidi, Masri Osman,
Muhammad Asri Haji Awang
Abas

SUASANA sepanjang jalan menuju ke Istana Nurul Iman, kelihatan pengibaran bendera kecil kedua-dua buah negara (kanan). Manakala gambar kanan sekali, terpancar senyuman para penuntut yang terlibat dalam acara pengibaran bendera.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri disembah kenalkan kepada ahli-ahli rombongan TYT Presiden Republik Singapura (kiri), manakala gambar kanan, TYT dan isteri diperkenalkan kepada Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia; Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN); Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; Pemerintah ABDB; Ahli-ahli MMN; Ketua-ketua Perwakilan Asing; dan Setiausaha-setiausaha Tetap dari Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berserta pasangan masing-masing.

>> Muka 8

TYT dan isteri seterusnya diperkenalkan kepada ahli-ahli kerabat diraja; Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia; Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN); Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; Pemerintah ABDB; Ahli-ahli MMN; Ketua-ketua Perwakilan Asing; dan Setiausaha-setiausaha Tetap dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berserta pasangan masing-masing.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudiannya disembah kenalkan kepada ahli-ahli rombongan TYT Presiden Republik Singapura, termasuk Menteri Pembangunan Negara, Tuan Yang Terutama Desmond Lee; Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Menteri Kedua Pendidikan dan Menteri

Kedua Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Dr. Mohamad Maliki bin Osman; dan Menteri Negara bagi Pendidikan dan Tenaga Manusia, Puan Yang Terutama Gan Siow Huang.

Ini merupakan Lawatan Negara pertama TYT ke luar negara sebagai Presiden Republik Singapura sejak pelantikannya pada 14 September 2023.

Dalam memperingati Ulang

Tahun Ke-40 Penubuhan Hubungan Diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura pada tahun ini, lawatan ini akan memperkukuhkan lagi hubungan istimewa yang telah

lama terjalin sejak pemerintahan Al-Marhum Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan mendiang Lee Kuan Yew, bekas Perdana Menteri Republik Singapura.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berbual mesra bersama TYT Presiden Republik Singapura (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berbual mesra bersama isteri TYT Presiden Republik Singapura. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Perutusan tahniah sempena Hari Republik India, Australia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik India, Puan Yang Terutama Droupadi Murmu dan Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi dan kerajaan serta rakyat Republik India bersempena dengan Hari Republik India yang Ke-75. Sementara itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Governor-General, Komanwel Australia, Tuan Yang Terutama General The Honourable David John Hurley, AC DSC (Retired); Perdana Menteri Komanwel Australia, The Honourable Anthony Albanese MP dan kerajaan serta rakyat Australia bersempena dengan Hari Australia.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik India, Puan Yang Terutama Droupadi Murmu dan Perdana

Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi dan kerajaan serta rakyat Republik India bersempena dengan Hari Republik India yang Ke-75. Sementara itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Governor-General, Komanwel Australia, Tuan Yang Terutama General The

Honourable David John Hurley, AC DSC (Retired); Perdana Menteri Komanwel Australia, The Honourable Anthony Albanese MP dan kerajaan serta rakyat Australia bersempena dengan Hari Australia.

2 PESAWAT C295MW TIBA DI NBD



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Upacara Ketibaan dua buah dari empat buah Pesawat-pesawat C295MW baru ditempah bagi Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) yang berlangsung di Pusat Pergerakan Udara, Pangkalan Tentera Udara Rimba (kiri, bawah kiri dan bawah kanan). Manakala gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menadah tangan ketika doa dibacakan.

RIMBA, Rabu, 24 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Upacara Ketibaan dua buah dari empat buah Pesawat-pesawat C295MW

baru ditempah bagi Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) yang berlangsung di Pusat Pergerakan Udara, Pangkalan Tentera Udara Rimba.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan Pemerintah TUDB, Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohd. Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim.

Turut hadir semasa Upacara Ketibaan Pesawat tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pemerintah Angkatan Tentera,



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Masri Osman

Pemangku Pemerintah Angkatan Bersama ABDB, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pegawai-pegawai Kanan ABDB dan delegasi daripada Syarikat Airbus Defence and Space yang diketuai oleh Head of Region Airbus Asia-Pacific and China, Zakir Hamid.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung beredar masuk ke Bilik Merpati untuk disembahkan taklimat ringkas dan disusuli dengan tayangan video daripada Syarikat Airbus Defence and Space.

Upacara tersebut dimulakan dengan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung beredar ke ruang tempat duduk khas untuk menyaksikan ketibaan Pesawat-pesawat C295MW yang menerima

Water Salute sebagai tanda penghormatan setibanya menuju masuk melalui Military Apron.

Sebagai tanda syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kru-kru pesawat melaksanakan Sujud Syukur atas selamat kembalinya ke tanah air setelah selesai membuat penerbangan jarak jauh selama enam hari yang telah bermula dari perkilangan pesawat di Seville, Sepanyol pada 18 Januari 2024.

Bagi memohon keberkatan upacara, Doa Selamat dibacakan oleh Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim, dari Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).

>> Muka 11



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mendengarkan sembah taklimat ringkas.



DOA Selamat dibacakan oleh Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim, dari Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).



KETIBAAN Pesawat-pesawat C295MW yang menerima Water Salute sebagai tanda penghormatan (kiri dan kanan).





DULI Yang Teramat Mulia dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama kru-kru pesawat (atas). Sementara gambar bawah kiri dan kanan, DYTМ berkenan disembah kenalkan kepada kru-kru pesawat dan seterusnya membuat tinjauan lebih dekat Pesawat C295MW.



>> Muka 10

DYTM kemudian dijunjung berangkat bagi sesi sembah kenal kepada kru-kru pesawat

dan seterusnya beredar untuk membuat tinjauan lebih dekat Pesawat C295MW dan diikuti sesi bergambar bersama kru-kru pesawat dan sesi bergambar



DYTM berkenan menerima pesambah (atas). Sementara gambar kanan, DYTМ berkenan bagi menandatangani Lembaran Kenangan.



ramai. DYTМ seterusnya dijunjung masuk untuk menerima pesambah sebelum beredar ke Bilik Merbuk bagi Majlis Santap Tengah Hari. Sebelum berangkat meninggalkan Pangkalan Tentera Udara Rimba, DYTМ berkenan bagi menandatangani Lembaran Kenangan. Perjanjian Projek Air Transport ini iaitu pembelian empat buah pesawat baharu C295MW telah ditandatangani di antara Kementerian Pertahanan bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Airbus Defence and Space pada 2 Disember 2022. Ketibaan dua buah Pesawat-pesawat C295MW ini adalah berikutan dengan Majlis Customer Acceptance Test di Airbus Defence and Space di Seville, Sepanyol yang turut dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan

Menteri Pertahanan II, Pemerintah ABDB dan Pemerintah TUDB. Upacara Introduction to Service akan dilaksanakan secara berasingan bagi merasmikan Pesawat C295MW untuk diperkenalkan ke dalam keupayaan pesawat angkut TUDB. Pesawat C295MW ini akan meningkatkan lagi keupayaan TUDB bagi melaksanakan pelbagai misi pengangkutan strategik dan taktikal dari tahap

serantau dan antarabangsa seperti operasi Bantuan Kemanusiaan dan Bantuan Bencana (HADR), MEDEVAC (Medical Evacuations), NEO (Non-combatant Evacuation Operations) dan SAR (Operasi Mencari dan Menyelamat). Pesawat ini juga berupaya melaksanakan pelbagai peranan seperti pengangkutan anggota dan kargo, pengangkutan VIP, Freefall, Airborne Static Jumps, Cargo Drops dan MEDEVAC



DYTM dijunjung beredar ke Bilik Merbuk bagi Majlis Santap Tengah Hari (kiri).



DOA dibacakan oleh Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT) (kanan).

PRESIDEN REPUBLIK SINGAPURA AKHIRI LAWATAN NEGARA

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



HADIR di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan isteri, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam serta rombongan ialah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Menteri Pengiring dan isteri; Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II dan isteri; dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan (Kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Januari. - Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan isteri, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam serta rombongan, bertolak meninggalkan Bandar Seri Begawan selepas menamatkan Lawatan Negara selama tiga hari ke Negara Brunei Darussalam (NBD), hari ini.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar

kepada Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura dan isteri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Menteri Pengiring dan isteri; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan isteri; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang

Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dan isteri; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan isteri; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan isteri serta Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon dan isteri.

Ini merupakan Lawatan Negara yang pertama TYT Tharman

Shanmugaratnam sejak dilantik sebagai Presiden Republik Singapura pada 14 September 2023.

Semasa Lawatan Negara berkenaan, TYT telah mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan kedua-dua pemimpin telah mengesahkan semula hubungan istimewa yang telah lama terjalin antara NBD dan Republik Singapura, dan mengakui

kepentingan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik pada tahun ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan TYT juga mengalu-alukan beberapa siri acara komemoratif bagi memperingati peristiwa penting berkenaan, dan bersetuju untuk meneroka pelbagai usaha untuk terus memperkukuh kerjasama dua hala dengan menengahkan tiga bidang utama, iaitu pertukaran antara masyarakat; tenaga yang boleh diperbaharui; dan keselamatan makanan.

Melihat lebih dekat karya seni kaligrafi



Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Januari. - Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan isteri, Mrs.

Jane Ittogi Shanmugaratnam petang tadi mengadakan lawatan ke Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanah Bokiah (PPKKI-

YSHHB) di Rumah Semaun, Jalan Jerambak.

Ketibaan Tuan Yang Terutama di perkarangan pusat berkenaan dialu-alukan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB dan Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengerusi Urusan YSHHB.

Turut hadir, Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Menteri Pengiring.

PRESIDEN Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan isteri, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam semasa mengadakan lawatan ke PPKKI-YSHHB di Rumah Semaun (atas dan atas kiri). Sementara gambar bawah kiri, TYT dan isteri semasa membuat demo tulisan khat di Dewan Al-Ma'rifah.

Semasa lawatan tersebut, TYT antara lain berpeluang menyaksikan dengan lebih dekat karya-karya seni kaligrafi di ruang Galeri Lauhah Al-Islamiah yang mempamerkan koleksi dan artifak dari luar negara serta koleksi karya khat dan zukhruf daripada PPKKI-YSHHB; juga Galeri Al-Aswad yang mempamerkan karya-karya, artifak, dan proses tulisan yang berhubung kait dengan perkembangan tulisan jawi dalam kesultanan Brunei dengan menggunakan teknologi hologram.

Selain itu, TYT dan isteri juga membuat demo tulisan khat di Dewan Al-Ma'rifah.

Sebelum mengakhiri lawatan, TYT mengunjungi Kedai Cenderahati Semaun yang

mempamerkan pelbagai barangan dan kraf buatan tempatan.

Penubuhan PPKKI-YSHHB merupakan salah satu inisiatif bagi memartabatkan tulisan Jawi dalam menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di samping bagi melahirkan rakyat yang berkemahiran sejajar dengan Wawasan Brunei 2035.

Selain itu, pusat ini dihasratkan untuk menjadi sebuah institusi yang boleh memberikan kemudahan perkhidmatan dalam mengembangkan pelbagai pengetahuan, kecekapan dan kemahiran seni Islam terutamanya seni mushaf, kaligrafi dan seni hiasan Islam.



BKISHHB TUMPUAN LAWATAN ISTERI PRESIDEN REPUBLIK SINGAPURA



ISTERI Presiden Republik Singapura, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam, berserta rombongan semasa mengadakan lawatan ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) (atas dan bawah kanan).

Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Penasihat BKISHHB; dan Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam memulakan lawatan dengan menandatangani lembaran kenangan dan kemudian diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Rombongan seterusnya beredar ke galeri pameran BKISHHB. BKISHHB adalah merupakan sebuah institusi yang menyimpan dan mempamerkan khazanah warisan Islam yang sangat berharga serta berperanan dalam menjalankan aktiviti pengumpulan, penyelidikan, pengkajian, pengembangan dan penyebaran maklumat dan ilmu-ilmu Islam.

Sejak pembukaan semula galeri BKISHHB kepada orang awam pada 12 Disember 2022, institusi berkenaan telah menerima ribuan kunjungan yang terdiri bukan sahaja daripada orang awam dan para pelancong dari luar negara, malahan ia juga menarik perhatian para pembesar dan ketua-ketua negara untuk berkunjung.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Penasihat BKISHHB semasa menyampaikan cenderahati kepada Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam (atas).



Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Januari. - Isteri Presiden Republik Singapura, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam, berserta rombongan pagi tadi mengadakan lawatan ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).
Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman

Shanmugaratnam, dan isteri serta rombongan berada di Negara Brunei Darussalam bagi Lawatan Negara selama tiga hari bermula pada 24 hingga 26 Januari 2024.
Ketibaan Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia

Majlis Makan Malam mengalu-alukan Presiden Republik Singapura

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul



JERUDONG, Jumaat, 26 Januari. - Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan isteri, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam berserta rombongan baru-baru ini menghadiri Majlis Makan Malam bersama Menteri-menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam (NBD) di The Empire Brunei.

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah

selaku Menteri Pengiring dan isteri; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman dan isteri; dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Pada majlis berkenaan, TYT Presiden Republik Singapura berpeluang berinteraksi dengan Menteri-menteri Kabinet yang hadir mengenai hal-hal yang berkaitan pembangunan kedua-dua buah negara.



PRESIDEN Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan isteri, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam berserta rombongan semasa menghadiri Majlis Makan Malam bersama Menteri-menteri Kabinet NBD di The Empire Brunei (atas dan kiri).

TYT Presiden Republik Singapura dan isteri berserta rombongan tiba di negara ini pada 24 Januari lalu bagi mengadakan Lawatan Negara selama tiga hari.

Selamatkan Usus Awda.

Labukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.pppk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESEAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda



BERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Bumi adalah anugerah dan kurnia Allah Subhanahu Wata'ala yang amat bernilai kepada semua makhluk yang menjalani kehidupan mereka di atasnya. Bumi yang luas ini dijadikan tempat tinggal manusia dan gunung-gunang adalah sebagai pasak bumi. Tumbuh-tumbuhan pula sebagai sumber makanan dan ubat-ubatan kepada kehidupan, demikian juga

Pembangunan yang berdaya tahan

dengan pelbagai jenis haiwan dan hidupan di lautan.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 30 :

Tafsirnya : "Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat-malaikat : "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi (iaitu Nabi Adam Alaihissalam)". Malaikat-malaikat itu berkata "Adakah Engkau hendak menjadikan di bumi orang yang akan membuat kerosakan dan menumpahkan darah sedangkan kami sentiasa bertasbih dengan memuji serta mensucikan Engkau? Allah berfirman : "Sesungguhnya Aku lebih mengetahui apa yang kamu tidak mengetahui".

Berdasarkan ayat tersebut, Allah Subhanahu Wata'ala telah menjadikan manusia sebagai khalifah di muka bumi ini. Ini bererti bahawa manusia mempunyai amanah dan tanggungjawab terhadap bumi ini dengan menggunakan dan memanfaatkan sumber-sumber yang ada dengan cara yang bertanggungjawab.

Allah Subhanahu Wata'ala melarang melakukan sebarang kerosakan kepada jiwa, harta benda dan alam sekitar. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Qasas, ayat 77 :

Tafsirnya : "Dan carilah (pahala) negeri akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan janganlah engkau melupakan bahagianmu daripada (kenikmatan dunia). Dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu serta janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan".

Tanggungjawab ini merupakan satu amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita semua lebih-lebih lagi pada zaman yang serba mencabar ini

dan mengalami pelbagai perubahan seperti perubahan iklim, pekerjaan, alam sekitar dan sebagainya.

Dalam mengejar pembangunan yang pesat demi kemakmuran dan kebaikan manusia, kita juga tidak boleh lupa akan alam sekitar yang perlu dijaga untuk dinikmati oleh generasi sekarang dan yang akan datang. Hubungan manusia dan alam sekitar adalah rapat dan saling memerlukan antara satu dengan yang lain. Adalah penting bagi memastikan bahawa pembangunan yang dilakukan dapat memberikan manfaat kepada manusia dan pada masa yang sama dapat memastikan kesejahteraan alam sekitar dan bumi.

Tidak dinafikan dalam kehidupan seharian kita, kita memerlukan sumber-sumber bumi bagi memastikan kelangsungan hidup dan aktiviti-aktiviti manusia lainnya. Namun, kita sebagai manusia yang dikurniakan akal hendaklah memanfaatkan dan menjaga sumber-sumber tersebut khususnya bagi generasi akan datang dengan memastikan pembangunan yang mampan iaitu yang mampu mengekalkan pencapaian yang baik selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dan seruan global di bawah rangka kerja pembangunan yang berdaya tahan. Antara usaha dan cara mudah yang boleh kita amalkan bagi memastikan pembangunan yang mampan tersebut, antaranya :

Pertama : Menggunakan produk yang mesra alam dan mengelakkan daripada menggunakan plastik sekali guna.

Kedua : Menjimatkan penggunaan air dan tenaga elektrik dengan mengurangkan penggunaannya mengikut kadar keperluan sahaja. Ini kerana penggunaan air domestik di Negara Brunei Darussalam adalah antara yang tertinggi di negara ASEAN dan penggunaan tenaga kedua tertinggi di rantau ASEAN pada tahun 2020 menurut

ASEAN Centre for Energy.

Ketiga : Mendukung perniagaan tempatan terutama perniagaan-perniagaan yang mampu mengekalkan pencapaian yang baik dan mesra alam bagi memajukan ekonomi negara.

Keempat : Ikut serta dalam inisiatif-inisiatif yang bermanfaat seperti kegiatan bergotong-royong membersihkan persekitaran dan penanaman pokok.

Kelima : Mengelakkan pembaziran makanan seperti tidak memasak atau membeli makanan dalam jumlah yang berlebihan. Ini adalah penting, memandangkan 32 peratus penjaan sisa di Negara Brunei Darussalam berasal daripada sisa makanan. Tindakan-tindakan ini, walaupun kecil tetapi dapat memberikan impak yang besar dan menyumbang kepada bumi yang lebih bersih dan hijau untuk dinikmati oleh generasi yang akan datang.

Salah satu cara untuk mensyukuri nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala adalah dengan memelihara, memanfaatkan dan memakmurkan nikmat sumber-sumber bumi tersebut. Oleh itu, marilah sama-sama berganding bahu memelihara nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala ini dengan sama-sama mengamalkan amalan yang baik dan berkeadilan dalam kita semua menjayakan Wawasan Brunei 2035. Mudah-mudahan dengan usaha kita bersama, bumi dan sumber-sumber yang ada padanya masih dapat dinikmati oleh generasi yang akan datang.

Tafsirnya : "Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu (menjalani kehidupan) maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantainya serta makanlah sebahagian rezeki-Nya dan kepada-Nyalah kamu (kembali setelah) dibangkitkan". (Surah Al-Mulk, ayat 15)

Presiden Republik Singapura adakan Lawatan Negara ke NBD



PRESIDEN Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan isteri, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam serta rombongan semasa tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengadakan Lawatan Negara selama tiga hari (atas dan kanan).

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Januari. - Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan isteri, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam serta rombongan, tiba di negara ini petang tadi bagi mengadakan Lawatan Negara selama tiga hari.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura dan isteri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Menteri Pengiring dan isteri;

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan isteri; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dan isteri; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan isteri; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan isteri serta Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon dan isteri.

Sejurus tiba, Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura dan isteri diperkenalkan kepada Yang Berhormat Menteri Pengiring dan isteri; Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Pemerintah ABDB berserta isteri masing-masing dan seterusnya melintasi Kawalan Statik yang terdiri daripada anggota ABDB.

Semasa lawatan negara berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dijangka akan menerima mengadap TYT Presiden Republik Singapura dan isteri serta rombongan.

Ini termasuk Majlis Sambutan Rasmi Negara, Majlis Perjumpaan Dua Hala, dan Majlis Persantapan Negara yang akan berlangsung di Istana Nurul Iman esok.

Lawatan negara berkenaan merupakan lawatan pertama bagi TYT Tharman Shanmugaratnam selaku Presiden Republik Singapura Ke-9.

Hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura mula terjalin pada 1984, dengan kedua-dua buah negara mempunyai hubungan yang akrab dan unik melalui persahabatan istimewa antara Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan mantan Perdana Menteri Republik Singapura, mendiang Dato Laila Utama Lee Kuan Yew.

NBD dan Republik Singapura mempunyai kerjasama yang strategik dan kukuh dalam pelbagai bidang termasuk Perjanjian Kebolehtukaran Mata Wang, pertahanan, kesihatan, pendidikan, serta perdagangan dan pelaburan.

NBD, INDIA TINGKATKAN KERJASAMA PERINGKAT SERANTAU



YANG Berhormat Menteri Kesihatan mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hadir pada Majlis Resepsi sempena Hari Republik India Ke-75 Tahun yang berlangsung di The Rizqun International Hotel.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke NBD, Tuan Yang Terutama Alok Amitabh Dimri dalam ucapannya antara lain menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana menyokong masyarakat mereka.

"India dan Brunei telah menikmati hubungan mesra sejak penubuhan hubungan diplomatik pada 1984. "Selama bertahun-tahun, ia telah berkembang kepada penglibatan pelbagai aspek yang bercirikan muhibah, saling hormat-menghormati, memahami dan meningkatkan kerjasama di serantau dan pelbagai hala,"

jelasnya.

Tambahnya, hubungan antara India dan Brunei terus terjalin sepanjang tahun lalu dan hubungan dua hala kedua buah negara terus meningkatkan kekuatan di bawah bimbingan baik kedua-dua kepimpinan.

TYT juga berkata, selepas pandemik, pertukaran perdagangan dan perniagaan India - Brunei telah berkembang dari segi makanan, automotif, jentera,

daging beku dan lembu menjadi eksport utama.

Kedua-dua belah pihak telah mengenal pasti pertanian, ICT, Sains dan teknologi, penjagaan kesihatan dan pendidikan sebagai bidang yang berpotensi untuk kerjasama.

Kerjasama dua hala dalam pendigitalan, e-dagang dan e-tadbir urus juga diberi keutamaan di mana pegawai dan pakar dari Brunei juga telah mengambil

bahagian dalam modul latihan mengenai program Nanosatelit, Keselamatan Siber dan e-ITEC.

Terdahulu, Majlis Resepsi dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara dan acara memotong kek sempena Hari Republik India Ke-75 Tahun oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke NBD.

IHP Disember 2023 catat peningkatan

>> Muka 1

Seterusnya kenyataan tersebut turut menerangkan peningkatan tahun-ke-tahun bagi indeks makanan dan minuman ringan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga minuman ringan (11.1 peratus) khususnya minuman rendah

gula yang sedia untuk diminum dan sayur-sayuran (4.9 peratus) terutamanya harga halia.

Di samping itu, peningkatan bagi indeks bukan makanan adalah terutamanya disumbangkan oleh harga rekreasi dan kebudayaan (3.5 peratus) berikutan kenaikan harga pakej percutian dan

umrah serta pengangkutan (0.5 peratus) khususnya harga tiket penerbangan.

Bagi perubahan bulan-ke-bulan, IHP Disember 2023 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.8 peratus, yang didorong oleh kenaikan indeks makanan dan minuman ringan; dan indeks bukan makanan masing-masing sebanyak 0.1 peratus dan 1.0 peratus.

Peningkatan indeks makanan dan minuman ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga buah-buahan (0.6 peratus); dan daging (0.4 peratus). manakala, peningkatan indeks bukan makanan adalah disumbangkan oleh harga pengangkutan (6.1 peratus); dan rekreasi dan kebudayaan (1.1 peratus).

IHP mengukur perubahan harga bakul barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Disember dan Tahunan 2023 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.


Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik



Laman sesawang: deps.mofe.gov.bn
E-mel: info.statistics@jpes.gov.bn
Instagram: @statistics.jpes



جائت قرائن ايكونومي دان ستاتستك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
BRUNEI DARUSSALAM



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

INGIN MENGETAHUI TARIKH UJIAN / TEMU DUGA AWDA?

Layari www.recruitment.gov.bn dan semak "Kalender Saya"

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn

FOKUS PROGRAM STRATEGIK PUPUK SYARIKAT 'STARTUP' SEDIA EKSPORT



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa berucap.

adalah benih-benih inovasi yang mendorong Negara Brunei Darussalam ke arah kemakmuran masa depan.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan bahawa kerajaan, melalui inisiatif yang mantap, menyokong pertumbuhan syarikat *startup*, mewujudkan ekosistem yang membolehkan mereka untuk berkembang.

"Saya memuji usaha dan inisiatif berterusan oleh pelbagai pihak berkepentingan. Pelancaran Brunei Minicorn dan Startup Enam Tujuh Tiga (Startup 673) hari ini menunjukkan

komitmen kita untuk memacu ekosistem permulaan Brunei melalui pendekatan seluruh negara.

"Ini selaras dengan Wawasan Brunei 2035, meletakkan kita sebagai mercu tanda inovasi digital di persada global," ujar Yang Berhormat semasa Brunei Startup Summit 2024 yang berlangsung di Rizqun International Hotel, di sini.

Yang Berhormat seterusnya berkata bahawa matlamat kita adalah dua kali ganda iaitu untuk mengukuhkan ekosistem *startup* tempatan dan fokus secara strategik pada program yang memupuk *startup* sedia eksport.

Tambah Yang Berhormat, ini bukan sahaja sejajar dengan aliran global tetapi juga penekanan Wawasan Brunei 2035 terhadap kepelbagaian ekonomi dan pertumbuhan yang mampan.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan, kita telah melalui transformasi yang luar biasa dalam beberapa tahun kebelakangan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

ini, dipandu oleh cita-cita tinggi Wawasan Brunei 2035, dengan bayangan ekonomi yang dinamik, mampan, penduduk berkemahiran tinggi, dan kualiti hidup yang

tinggi untuk semua rakyat Brunei. Pada terasnya, tambah Yang Berhormat, visi itu mengiktiraf inovasi sebagai pemacu utama kemajuan.

>> Muka 1

Menurut Yang Berhormat yang juga selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) melalui Darussalam Enterprise (DARE), *startup* tempatan bukan sekadar perniagaan; mereka

Brunei Startup Summit 2024 buka tirai



GADONG, Rabu, 24 Januari. - Bagi memupuk pertumbuhan, kerjasama dan inovasi dalam ekosistem *startup* Brunei Darussalam, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) melalui Darussalam Enterprise (DARE)

dengan kerjasama Makmal Inovasi Brunei (BIL) mengadakan Brunei Startup Summit 2024 bertempat di Rizqun International Hotel, di sini.

Dengan membawakan tema 'Innovate to Elevate: Charting the Path to a Future of Possibilities',

sidang kemuncak yang julung kali diadakan itu berlangsung selama dua hari bermula hari ini dengan menghimpunkan syarikat *startup* tempatan dan antarabangsa, bakal usahawan, pakar industri, pelabur dan pihak berkepentingan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pembukaan Brunei Startup Summit 2024 ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew



BRUNEI Startup Summit 2024 yang berlangsung di Rizqun International Hotel.

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN
Fikir sebelum beli

"boleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usunku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pembukaan Brunei Startup Summit 2024 (atas dan kiri).

bin Abdullah yang juga selaku Pengerusi BEDB dan DARE.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BEDB dan DARE, Daniel Leong dalam ucapan alu-aluannya melahirkan penghargaan kepada pelbagai pihak berkepentingan yang terlibat dalam menyelaraskan sidang kemuncak berkenaan.

Menurutnya, acara tersebut dalam usaha untuk menghimpunkan *startup*, pembina ekosistem dan usaha niaga, memupuk persekitaran kolaboratif untuk pembelajaran bersama, berkongsi pandangan berharga, membincangkan arah aliran industri dan sesi dialog yang menarik.

Beliau yakin bahawa sidang kemuncak tersebut berfungsi sebagai pemangkin, mendorong syarikat *startup* tempatan ke arah tahap baharu dan membuka kemungkinan yang tidak dijangka.

Sidang kemuncak itu mendapat

sokongan padu daripada Rakan Program, termasuk Brunei Shell Petroleum, Progresif Sdn. Bhd., EVYD Technology Sdn. Bhd., Pihak Berkuasa Teknologi Info-Komunikasi (AITI) dan Microsoft Brunei.

Acara tersebut juga turut menampilkan penceramah tempatan dan serantau, ahli panel dan jemputan dari pelbagai sektor dalam memupuk kerjasama dan pertukaran pengetahuan.

Brunei Startup Summit mengadakan dua hari sesi perbincangan, bengkel dan sesi rangkaian yang menarik. Peserta digalakkan untuk menyahut cabaran, meraikan kejayaan, dan memupuk persekitaran. Sidang kemuncak tersebut dihasrat menjadi pemangkin bagi inovasi dan kerjasama pada masa depan. Untuk maklumat lanjut mengenai Brunei Startup Summit, boleh melayari <https://www.dare.gov.bn/brunei-startup-summit>.

TAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA SEMPENA 103 TAHUN PENUBUHAN PPDB

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Januari. - Bersempena dengan Sambutan 103 Tahun Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahliil khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan telah diadakan hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin; pengarah-pengarah jabatan, ketua-ketua formasi, pegawai-pegawai pemerintah, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan anggota serta warga kakitangan awam PPDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan Surah Yaa Siin, diikuti dengan bacaan Tahliil dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong, APO Staf Sarjan 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar.

Adapun majlis ini diadakan adalah salah satu aktiviti keagamaan yang dikendalikan oleh Badan Ugama Islam (BUI) PPDB bagi menyemarakkan dan memperoleh lagi keberkatan sempena Sambutan 103 Tahun PPDB Tahun 2024.



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahliil di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan.

Pameran Fotografi kongsi pemandangan menarik Jepun

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Januari. - Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan kerjasama seorang jurugambar tempatan kini sedang mengadakan Pameran Fotografi Jepun bersempena memperingati Ulang Tahun Penubuhan Hubungan Diplomatik antara Jepun dan NBD Ke-40.

Pameran Fotografi yang menentengahkan hasil karya Awang Lim Han tersebut dirasmikan di Art Avenue,

Kompleks Membeli-belah Mabohai dan dibuka kepada orang ramai secara percuma bermula hari ini sehingga 20 Februari 2024 nanti.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Maeda Toru yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Terdahulu, Tuan Yang Terutama dalam ucapan alu-aluannya berkata, pihak Kedutaan Jepun di NBD akan menganjurkan beberapa siri acara untuk mempromosikan kebudayaan dan pertukaran antara rakyat di sepanjang Tahun Persahabatan Jepun-Brunei, tahun ini.

Pihak kedutaan juga, katanya, mengalu-alukan lebih banyak pengajuran kerjasama seumpamanya bukan hanya dari sisi Jepun sahaja, malahan dari sisi penduduk negara ini untuk bekerjasama dengan pihak kedutaan dalam memperkenalkan kebudayaan masing-masing.

DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD semasa menyempurnakan perasmian (atas kanan). Manakala gambar kiri, suasana pameran berkenaan.



Gambar-gambar yang dipamerkan merupakan hasil karya Awang Lim Han semasa bercuti ke negara tersebut dan seterusnya mengongsikan pemandangan dan suasana di beberapa bandar dan wilayah yang berlainan seperti Kyoto, Nara dan Kagawa.

Selaku mantan Presiden Brunei Japan Friendship Association UBD Chapter dan salah seorang ahli yang menubuhkan Brunei Daily Snapshot Photo, beliau berharap,

pameran tersebut akan dapat memberi galakan kepada rakyat dan penduduk negara ini untuk berkunjung ke negara Jepun dan wilayah di dalamnya.

Majlis perasmian tersebut turut diselenggarakan dengan bengkel membuat tempat meletak penyepit (*chopstick rest*) menggunakan kaedah origami, dipimpin oleh kakitangan Kedutaan Jepun di NBD, Dayang Hafizah binti Abdullah.



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

**SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0
AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR**

BARU

**IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG
TIDAK LENGKAP**

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja


TIDAK DIPERAKURKAN

**DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0
TIDAK LENGKAP / TERATUR**

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul.
sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan.
Sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap.
memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

⚠ Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



PUPUK PERTUMBUHAN INTELEK, LUASKAN LANDSKAP PENDIDIKAN GLOBAL



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Januari. - Program 'Junior Study Camp from South Korea' diharap menjadi masa pembelajaran yang bernas dan pengalaman yang menyeronokkan bagi para pelajar yang menyertai program tersebut.

Sama ada di dalam atau di luar bilik darjah, banyak perkara telah dipelajari dan kenangan telah tercipta.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Timbalan Pengetua Kolej Perniagaan Laksamana (Laksamana College of Business - LCB), S. Sivarajah semasa Majlis Penutup 'Junior Study Camp from South Korea' bertempat di LCB Auditorium, LCB Annex Building, di sini.

Menurut Timbalan Pengetua LCB

lagi, pihak LCB berbangga dengan setiap para pelajar di atas komitmen mereka untuk menjayakan kem berkenaan.

"Kem ini merupakan satu perjalanan yang luar biasa, dan saya berbangga dengan pencapaian para pelajar sepanjang mereka berada di LCB," jelasnya lagi.

Seramai 10 pelajar berumur di antara 9 hingga 12 tahun dari Korea Selatan menerima sijil masing-masing setelah menamatkan 'Junior Study Camp from South Korea' yang telah diadakan selama tiga minggu.

Pada majlis tersebut, para pelajar terbaik juga menerima anugerah masing-masing yang disempurnakan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Kim Soung-Eun selaku tetamu kehormat majlis.

Dalam pada itu, beberapa orang pelajar ketika ditemui Pelita Brunei mengongsikan pengalaman mereka semasa menyertai 'Junior Study Camp from South Korea'.

Menurut Abby Kim, 9 tahun, 'Junior Study Camp from South Korea' tersebut sangat menyeronokkan dan tenaga pengajar sepanjang program ini juga banyak membantu mereka.

Jelasnya lagi, antara kenangan manis yang tidak dapat dilupakan ialah semasa menyaksikan Majlis Istiadat Perarakan Pengantin Diraja yang berlangsung baru-baru ini.

Sementara itu, Sophia Um, 9 tahun, pula mengongsikan antara yang dipelajari sepanjang program tersebut ialah Bahasa Inggeris, memasak dan bersukan.

Tambahnya, 'Junior Study Camp from South Korea' sangat menyeronokkan dan ia merupakan kem terbaik yang pernah disertai.

'Junior Study camp from South Korea' dianjurkan bersama oleh LCB dan pertubuhan luar Korea Selatan, bagi tujuan untuk memisahkan diri daripada sempadan pembelajaran tradisional, menawarkan pengalaman pertukaran yang menggabungkan gaya pembelajaran antarabangsa, pembangunan kemahiran, dan gambaran sekilas untuk belajar dan tinggal di luar negara.

Program *hands-on* ini memastikan para peserta menjadi penyumbang aktif kepada landskap pendidikan global yang dinamik, dan bukan hanya penonton semata-mata.

Dibimbing oleh pensyarah-pensyarah LCB dari pelbagai latar belakang, sesi pembelajaran meliputi hospitaliti, sains komputer, seni masakan, dan penguasaan bahasa Inggeris, mengutamakan

DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam semasa bergambar ramai pada Majlis Penutup 'Junior Study Camp from South Korea' bertempat di LCB Auditorium, LCB Annex Building.

aplikasi praktikal berbanding kaedah tradisional.

LCB akan memainkan peranan penting dalam memupuk pertumbuhan intelek dan peribadi sepanjang kem pengajian.

Antara aktiviti tersebut ialah aktiviti kebudayaan, seperti merasa kuih tempatan serta mempelajari asas bahasa Melayu, dan aktiviti tambahan seperti membuat piza, membuat Biskut Sable dan Hiasan Biskut, yang ditawarkan oleh The Culinary School, yang mana akan memperkayakan pengalaman pelajar.

'Junior Study Camp from South Korea' memainkan peranan penting dalam memupuk pembangunan akademik, budaya dan peribadi pelajar.

Tahun ini merupakan kali kedua LCB menganjurkan program sedemikian dengan komitmen mereka untuk merintis pendekatan inovatif dalam pendidikan.

LCB juga akan menganjurkan Hari Terbuka LCB pada 17 hingga 19 Februari 2024 bermula 11.00 pagi hingga 8.00 malam.

Untuk sebarang pertanyaan mengenai Kem Pengajian, hubungi terus ke talian +673 2238816 / 18 atau +673 8907927 dan melalui platform media sosial Instagram di @lcb_brunei.

Beri penghargaan, motivasi untuk capai kecemerlangan pendidikan



PENGERUSI Majlis, Pengiran Abdul Azim bin Pengiran Yusof semasa menyampaikan sijil kepada penerima pada Majlis Penyampaian Anugerah bagi Pertandingan Antarabangsa Kangaroo Math, Kancil Science dan Beaver Computational Thinking Skills KKB 2023. Sementara gambar atas kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Januari. - Teachmeguru mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah bagi Pertandingan Antarabangsa Kangaroo Math, Kancil Science dan Beaver Computational Thinking Skills KKB 2023 bertempat di Dewan Mahkota, Timesquare, Berakas, yang melibatkan para pengetua,

guru serta pelajar daripada sekolah-sekolah swasta Negara Brunei Darussalam.

Majlis yang diadakan petang tadi bertujuan untuk meraikan dan memberi penghargaan, serta meningkatkan lagi semangat peserta untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan. Teachmeguru telah dilantik



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

dan diberi kepercayaan daripada organisasi antarabangsa untuk memperkenalkan persaingan antarabangsa yang biasa dibuat di negara Malaysia, Amerika Syarikat, Germany dan banyak lagi.

Pertandingan antarabangsa yang telah berjaya dibuat di Negara Brunei Darussalam adalah Kangaroo Mathematics Competition, Kancil Science Competition dan Beaver Computational Thinking

Competition pada 2023.

Majlis berkenaan dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman selaku tetamu kehormat majlis.

Juga hadir, Pengerusi Majlis, Pengiran Abdul Azim bin Pengiran Yusof.

Para pelajar yang menerima sijil dan pingat adalah mereka yang



AHLI Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

mendapat keputusan terbaik yang dibahagikan kepada *honourable mentions*, *bronze*, *silver* dan *gold*.

Seramai tiga pelajar dari Chung Hwa Middle School Bandar Seri Begawan (BSB) dan seorang pelajar dari Chung Ching Middle School Seria menerima anugerah Grand Prox dan para pelajar berkenaan telah mendapat markah yang penuh dalam Kangaroo Math Competition.

Sebanyak 11 buah sekolah mengikuti pertandingan-pertandingan berkenaan, manakala dua buah sekolah menerima anugerah, iaitu The Highest Participation diterima oleh Chung Hwa Middle School BSB; dan Top Performing School diberikan kepada Chung Hua Middle School Kuala Belait.

EKSESAIS MAJU BERSAMA : TINGKAT KESALINGOPERASIAN, BERKONGSI KEPAKARAN



UPACARA Penutup Ekseksais MAJU BERSAMA Siri 26/2023 dilaksanakan di kompleks Fighting in Built-Up Areas, Penanjong Garison.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

PENANJONG GARISON, Jumaat, 26 Januari. - Upacara Penutup Ekseksais MAJU BERSAMA Siri 26/2023 dilaksanakan di kompleks Fighting in Built-Up Areas, Penanjong Garison.

Ekseksais berkenaan telah berlangsung dari 20 hingga 25 Januari 2024 yang melibatkan anggota daripada Batalion Ketiga, Tentera Darat Diraja Brunei (3Bn TDDB) dan First Battalion Singapore

Infantry Regiment (1SIR).

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat, Pemerintah TDDB, Brigedier Jeneral Haji Mohammad Shanonnizam bin Sulaiman; dan Chief of Army, Singapore Army, Mejar Jeneral David Neo, yang secara rasmi menutup ekseksais berkenaan.

Turut hadir menyaksikan upacara berkenaan ialah Pemangku Pemerintah Medan TDDB, para

pegawai kanan, pegawai-pegawai, anggota-anggota dan wakil-wakil daripada Tentera Darat Singapura dan TDDB.

Upacara Penutup dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan, penyerahan balik bendera kepada 1SIR dan diakhiri dengan ucapan penutup daripada Brigedier Jeneral Haji Mohammad Shanonnizam dan Mejar Jeneral David Neo.

Semasa menyampaikan ucapan, Pemerintah TDDB menekankan

bahawa Ekseksais MAJU BERSAMA menyediakan landasan kepada kedua-dua tentera darat berkongsi pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan taktik, teknik dan prosedur terutama sekali operasi hutan, sungai dan bandar.

Dengan sendirinya tambahnya, usaha berkenaan telah meningkatkan kemahiran dan profesionalisme antara anggota-anggota kedua-dua tentera darat untuk manfaat bersama.

Objektif utama ekseksais

berkenaan adalah untuk meningkatkan kesalingoperasian, berkongsi kepakaran dalam perancangan dan peperangan bandar, serta mengukuhkan hubungan dua hala antara tentera darat kedua-dua negara.

Ekseksais MAJU BERSAMA menjadi lambang hubungan pertahanan yang berkekalan antara negara peserta, yang akan berkembang dan kekal untuk tahun-tahun yang akan datang.

Memacu pembangunan industri penerbangan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi
Haji Duraman

GADONG, Jumaat, 26 Januari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) yang terletak di tengah-tengah rantau Asia Tenggara telah menarik minat banyak syarikat penerbangan antarabangsa untuk menyokong pembangunan negara sebagai hab penerbangan antarabangsa yang terkemuka.

Sehubungan itu, pagi tadi menyaksikan satu peristiwa penting dalam industri penerbangan Brunei dengan termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) antara Syarikat AeroAsia Holdings dengan lima syarikat antarabangsa.

Majlis yang berlangsung di Rizqun International Hotel itu menyaksikan penandatanganan MoU antara Syarikat AeroAsia Holdings diwakili oleh Pengerusi syarikat berkenaan, Dr. Nasir Latif bersama dengan Ketua Pegawai Eksekutif EAGA Development Corporation (Brunei), Haji Rijal Salim; Presiden UA Aerospace Sdn. Bhd. (Malaysia), Foong Peng Hoong; Pengerusi AVIC Harbin General Aircraft Industry Co., Ltd, (China), Song Zhan; dan Pengarah Urusan Interflight Technical Services Ltd (United Kingdom), Andrew Villis,



MAJLIS penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Syarikat AeroAsia Holdings dengan lima syarikat antarabangsa yang berlangsung di The Rizqun International Hotel.

juga sebagai Pengarah Aeropleople Ltd (United Kingdom).

Pelan pembangunan strategik yang komprehensif terdiri daripada beberapa objektif utama, termasuk penubuhan pesawat Y12-F, serta kemudahan (fasiliti) bagi pemasangan akhir pesawat *turboprop* bersaiz sederhana yang berbilang peranan di NBD.

Y12-F ialah satu-satunya pesawat dari AVIC Harbin General Aircraft Industry Co., Ltd, (China), yang

merupakan salah satu pengeluar pesawat terbesar di China yang mereka bentuk dan mengeluarkan lebih daripada 2,750 pesawat dan helikopter.

Selain itu, Y12-F juga merupakan satu-satunya pesawat buatan China yang telah dianugerahkan FAA Amerika Syarikat dan pensijilan jenis EASA Kesatuan Eropah dengan keupayaan untuk dimuatkan dalam tiga unit kontena LD3 dengan muatan tiga tan dan

boleh beroperasi di landasan pendek tidak berturap.

Dengan mewujudkan kemudahan pemasangan terakhir di Brunei Darussalam dengan kerjasama AeroAsia Holdings Corporations, menandakan pesawat pertama yang dipasang di Asia Tenggara yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di rantau BIMP-EAGA.

Antara objektif utama yang ditekankan ialah dapat menjana

tenaga kerja berkemahiran tinggi dan peluang pekerjaan di NBD seperti mewujudkan program pendidikan penerbangan komprehensif dengan akreditasi daripada Universiti Cambridge dan Universiti Cranfield United Kingdom; Simulator Latihan Berulang Juruterbang; Pusat Latihan Penukaran; cadangan penubuhan Operasi Piagam Jet Peribadi; dan pengembangan Perkhidmatan MRO bagi jet peribadi.

**Hajah Normazdina binti
Haji Md. Maskub
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**



Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :

(141) INFO / PK / K / 7
(2023 - 2024)

Tajuk Sebut Harga :

To Supply, Retrofit, Install,
Testing And Commissioning
Of New Moulded Case
Circuit Breakers (800A) For
Information Department Building,
Old Airport, Berakas.

Yuran :

Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :

Selasa,
6 Februari 2024,
Jam 8.30 Pagi



Rujukan Tawaran :

MINDEF / DFA / INFRA / FY2023 /

T / BOL / 002

[JPPK / LTK / 20 / 2023]

Proposed New Covered Roof

At Royal Brunei Armed

Forces Museum,

Bolkiah Garrison

Tarikh Mula Tawaran:


22 Januari 2024

Kelas:

III atau Ke atas Sahaja

Kategori :

KA01 atau B01



**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik**

Bilangan Tawaran:
JPE/ LTK / BPP/ 075 / 2023

Tajuk:
Maintenance of Street Lighting
in Tutong District

Tarikh Tutup:
13 Februari 2024
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
"Tender Box",
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Basement Two (B2)
Jabatan Perdana Menteri,
Kompleks Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam



Bilangan Tawaran :
(9) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :

Sebut Harga
Bagi Pengurusan /
Pelaksanaan Gerai Ramadhan
Belia Tahun 1445H / 2024M
Kawasan Letak Kereta,
Stadium Negara
Hassanal Bolkiah, Berakas

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Khamis
8 Februari 2024



Bilangan dan Tajuk Tawaran :

JPH / 1102-002 / TAW
/ 380 / 2023-2024
Projek Penghijauan Zon A,
Hutan Simpan Arboretum

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika Belum Berdaftar):**
BND10.00

Borang Tawaran:
BND15.00

Yuran Tawaran:
BND55.00
Tidak Dikembalikan

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
6 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang



Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 208 / 23 - 24 :

Provision Of
Security Guard Services
For Kuala Belait Studio &
Tutong Studio,
Radio Television Brunei
For Period Of Two (2) Years

Bayaran Yuran :
BND 5.00
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy) :
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
7 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang



**PENDAFTARAN BAKAL-BAKAL REKRUT LELAKI
PENGAMBILAN KE-175
DAN PENDAFTARAN BAKAL-BAKAL REKRUT WANITA
PENGAMBILAN KE-59
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI**

22 Januari 2024 hingga 01 Februari 2024
(kecuali Hari Jumaat, Sabtu, Ahad & Hari Kelepasan Awam)

0830 pagi hingga 1100 pagi
1430 petang hingga 1600 petang

<http://www.mindef.gov.bn>
[Career-Military Recruitment (Male & Female)]
bagi tempat/lokasi pendaftaran pandu lalu

18 tahun dan tidak melebihi 25 tahun (0 bulan 0 hari)
sebelum latihan bermula pada 02 September 2024

Pintu Utama Pusat Boling Padang,
Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah
secara pandu lalu

Pejabat Pengambilan, Jabatanarah Keanggotaan,
Bolkiah Garison ditalian 2386898

Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pertahanan

www.mindef.gov.bn

@Mindefbrunei



Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah Syariah
2005

Saman Gantian
Dalam Mahkamah Rendah
Syariah
Di Daerah Belait,
Negara Brunei Darussalam

Saman No. :
KB / MRS / MAL-A / P012A / 0176
/ 12-2023

Kes Induk :
KB / MRS / MAL-B / S010A / 0175
/ 12-2023

Antara

Marsidah binti Haji Mohammad
Yahya
- Plaintiff / Pemohon

Dan

Saipul Munadi
- Defendan / Responden

Kepada : Saipul Munadi - No.
Kad Pintar : 51-252379 (Hijau),
Beralamat (Alamat Terakhir) :
Lombok, Indonesia.

Kamu adalah dengan ini disaman
supaya hadir secara sendiri atau
melalui Peguam Syarie kamu
di hadapan Mahkamah Rendah
Syariah Daerah Belait pada Rabu,
4 Sya'aban 1445H bersamaan 14
Februari 2024M pada jam 2.00
Petang untuk menjawab tuntutan
terhadap kamu oleh plaintiff yang
dinamakan di atas, bagi Tuntutan
Ceraf Fasakh.

Sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingkar hadir di mahkamah
pada hari dan masa yang
ditetapkan, Mahkamah boleh
meneruskan untuk mendengarkan
dan memutuskan kes tanpa
kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingin membela diri terhadap
tuntutan tersebut, kamu hendaklah
memfailkan di Mahkamah ini dan
menyampaikan kepada Plaintiff
suatu pembelaan dalam Borang
yang ditetapkan sebelum tarikh
yang disebut di atas atau hadir di
Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh :
6 Rejab 1445H / 18 Januari
2024M

Meterai
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam



Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah Syariah
2005

Saman Gantian
Dalam Mahkamah Rendah
Syariah
Di Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam

Saman No. :
BM / MRS / P012A / P012A / 0929
/ 08-2023

Kes Induk :
BM / MRS / MAL-B / MAL-B /
S010A / 0717 / 08-2023

Antara

Imas Masharah binti Bohasan
- Plaintiff / Pemohon

Dan

Haji Awang Damit bin Haji Tahir
- Defendan / Responden

Kepada : Haji Awang Damit bin Haji
Tahir - No. Kad Pintar : 50-689126
(Hijau), Beralamat (Alamat Terakhir)
: 0622, Kampong Segumau 87027
Labuan, Wilayah Persekutuan
Labuan, Malaysia.

Kamu adalah dengan ini disaman
supaya hadir secara sendiri atau
melalui Peguam Syarie kamu
di hadapan Mahkamah Rendah
Syariah Daerah Brunei dan Muara
pada Selasa, 20 Rejab 1445H
bersamaan 30 Januari 2024M pada
jam 2.15 Petang untuk menjawab
tuntutan terhadap kamu oleh plaintiff
yang dinamakan di atas, bagi
Tuntutan Ceraf Fasakh.

Sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingkar hadir di mahkamah
pada hari dan masa yang
ditetapkan, Mahkamah boleh
meneruskan untuk mendengarkan
dan memutuskan kes tanpa
kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingin membela diri terhadap
tuntutan tersebut, kamu hendaklah
memfailkan di Mahkamah ini dan
menyampaikan kepada Plaintiff
suatu pembelaan dalam Borang
yang ditetapkan sebelum tarikh
yang disebut di atas atau hadir di
Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh :
4 Jamadilawal 1445H / 18
November 2023M

Meterai
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam



Tawaran

Bilangan Tawaran :
KK / 02 / 2024 / HTD

Keterangan :
One -Off Preventive
Maintenance Services
For Applied Biosystems Equipment
At Department Of Scientific
Services

Yuran Tawaran :
BND30.00

Bilangan Tawaran :
KK / 03 / 2024 / PHARM

Keterangan :
The Supply And Delivery
Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran :
KK / 04 / 2024 / PHARM

Keterangan :
The Supply And Delivery
Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran :
BND30.00

Bilangan Tawaran :
KK / 05 / 2024 / SSBH

Keterangan :
The Provision Of Laundry Services
For Wards And Clinics
At Suri Seri Begawan
(SSB) Hospital For A Period
Of One (1) Year

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran :
KK / 06 / 2024 / JPK(TC)

Keterangan :
Domestic Waste Collection
And Disposal Services
For Sungai Liang And
Labi Health Centre
For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran :
KK / 07 / 2024 / JPKAS (TC)

Keterangan :
The Provision Of Security Services
For Health Screening
Centre Berakas
For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran :
BND30.00

Bilangan Tawaran :
KK / 08 / 2024 / HTD

Keterangan :

To Supply, Deliver, Install,
Testing And Commissioning
Uninterrupted Power Supply (UPS)
For Pharmaceutical Refrigerator
For Ministry Of Health

Yuran Tawaran :
BND50.00

Bilangan Tawaran :
KK / 09 / 2024 / UPP

Keterangan :
To Supply, Deliver, Install,
Testing And Commissioning
Of Two (2) Units Of Portable
Ultrasound Machine
For Division Of
Respiratory Medicine (DORM)
Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
(RIPAS) Hospital

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran :
KK / 10 / 2024 / UPP

Keterangan :
Supply And Delivery
Of Twenty-Two Sets
Of Phacoemulsification
Basic Set For
Eye Centre Clinic At
Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
(RIPAS) Hospital

Yuran Tawaran :
BND30.00

Bilangan Tawaran :
KK / 12 / 2024 / DSS

Keterangan :
To Supply, Deliver, Install,
Test And Commission
One (1) Unit Of Inductive
Coupled Plasma
Optical Emission Spectrometer
System (ICP-OES)
For Food Chemistry Section,
Department Of Scientific Services,
Ministry Of Health

Yuran Tawaran :

BND50.00

Bilangan Tawaran :
KK / 13 / 2024 / DSS

Keterangan :
To Supply, Deliver, Install And
Commission
One (1) Unit Of Gas
Chromatography - Flame
Ionization Detector With Head
Space Sampling System
For Food Chemistry Section,
Department Of
Scientific Services,
Ministry Of Health

Yuran Tawaran :
BND30.00

Bilangan Tawaran :
KK / 14 / 2024 / LAB (TC)

Keterangan :
To Supply And Deliver External
Quality Assurance (EQA) Program
For National Haematology
Reference Laboratory
And Haematology
Laboratory In KB,
Tutong And Temburong,
Department Of
Laboratory Services,
Ministry Of Health For A Period
Of Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran :
BND50.00

Tarikh Tutup :
6 Februari 2024
(Tidak Lewat Jam 2.00 Petang)



Skim UTB's Scholars



Universiti Teknologi Brunei (UTB) komited untuk menyediakan pendidikan berkualiti dan berusaha untuk mencapai visinya untuk menjadi sebuah universiti global yang memberikan impak kepada masyarakat. UTB adalah satu-satunya universiti di Negara ini yang diberikan pengiktirafan penarafan Bintang 5-Plus bintang oleh QS Stars Ratings dan berada di kedudukan ke-525 dalam QS World University Rankings 2024 sementara juga menduduki tempat ke-40 dalam QS Top 50 Under 50 2021 bagi universiti di bawah umur 50 tahun di Asia dan menduduki tempat ke-142 dalam QS Asia University Rankings 2024.

Skim UTB's Scholars ialah biasiswa berprestij yang dianugerahkan setiap tahun oleh Universiti Teknologi Brunei kepada pelajar terbaik dari yang terbaik negara yang mempunyai minat dan kesungguhan untuk meneruskan kerjaya dalam bidang akademik. Penerima biasiswa ini akan menerima pendidikan terbaik di universiti terkemuka antarabangsa untuk melanjutkan pengajian dalam program Ijazah Kedoktoran di luar negara sebagai sebahagian daripada agenda perancangan penggantian UTB. Calon terpilih akan menyumbang sebagai ahli akademik dan penyelidik serta pemimpin masa depan, pengurus, dan perancang UTB.

Bidang Pengajian:

Skim UTB's Scholars mengalu-alukan permohonan daripada calon yang layak untuk mengikuti pengajian di luar negara bagi Sesi Akademik 2024/2025 dalam bidang-bidang berikut:

- » Kejuruteraan
- » Perdagangan
- » Pengkomputeran dan Informatik
- » Sains Gunaan dan Matematik
- » Seni Bina
- » Reka Bentuk
- » Komunikasi
- » Pengajaran dan Pembelajaran

Tatacara Permohonan:

Permohonan hendaklah dihidangkan ke Pusat Staf dan Pelajar, Blok Pentadbiran, Universiti Teknologi Brunei

atau melalui emel:
utbscholar.scheme@utb.edu.bn



Tarikh Tutup Menghadapkan
Borang Permohonan:
31 Januari 2024
Hanya calon yang disenarai
pendek akan dimaklumkan.

Butiran mengenai permohonan
dan maklumat lanjut bolehlah
didapati di utb.edu.bn/utb-scholar/



UTB, BPC METERAI MOU PERKONGSIAN TRANSFORMATIF

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TUNGKU LINK, Khamis, 25 Januari. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Berakas Power Company Sendirian Berhad (BPC) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk perkongsian transformatif bertujuan untuk memajukan kemampanan dan inovasi, hari ini.

Hadir menyaksikan majlis yang berlangsung di Galeri UTB, di sini ialah Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Penolong Naib Canselor (Hubungan Luar dan Perkhidmatan), UTB, Dr. Mohamad Saiful bin Haji Omar dan seterusnya ucapan daripada Ketua Pegawai Eksekutif BPC, Stephen Turner.

Pada majlis berkenaan, menandatangani MoU bagi pihak UTB ialah Naib Canselor, manakala bagi pihak BPC ialah Ketua Pegawai

Eksekutif BPC. Penandatanganan tersebut disaksikan oleh Penolong Naib Canselor (Hubungan Luar dan Perkhidmatan), UTB dan Ketua Kejuruteraan dan Projek, BPC, Benard Christian.

Usaha kerjasama ini disokong oleh pengiktirafan yang mendalam terhadap sumbangan penting BPC Sdn. Bhd. Sokongan ini bukan sahaja meningkatkan ruang fizikal UTB tetapi juga menekankan komitmen terhadap tenaga yang lebih hijau dan mampan untuk pertumbuhan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam.

Sumbangan ini juga membimbing kedua-dua institusi ke arah masa depan di mana kemampanan menjadi cara hidup dan bukan sekadar konsep. Penandatanganan perjanjian hari ini merupakan satu peristiwa penting, melambangkan visi bersama antara UTB dan BPC untuk masa depan yang mampan.

Dalam menghadapi cabaran seperti perubahan iklim, kehabisan sumber (*resource depletion*) dan keperluan untuk penggunaan tenaga yang bertanggungjawab, kepentingan sumbangan tersebut tidak



NAIB Canselor UTB bersama Ketua Pegawai Eksekutif BPC, Stephen Turner semasa menandatangani Memorandum Persefahaman pada majlis berkenaan.

boleh dipertikaikan. Sebagai anak syarikat Darussalam Assets, BPC memainkan peranan penting yang membekalkan 40 peratus daripada permintaan kuasa di negara ini.

Dalam memenuhi tanggungjawab dan kewajipan sosialnya, BPC berdedikasi untuk menyumbang kepada Wawasan Brunei 2035 iaitu sasaran tenaga boleh diperbaharui dan menyokong matlamat perubahan iklim, dengan itu menyumbang kepada negara rendah karbon dan berdaya tahan iklim. Realisasi sasaran ini melibatkan penggunaan pemasangan Solar Photovoltaic

(PV) berskala besar, sederhana dan kecil.

Usaha kerjasama ini memanjangkan sokongannya kepada Matlamat Pembangunan Mampan UTB, yang menekankan kepentingan amalan mampan. Sebagai ahli Lembaga Penasihat Industri UTB, BPC secara aktif berkongsi pengetahuan dan pengalamannya dalam tenaga boleh diperbaharui PV solar untuk menyumbang kepada pendidikan lanjutan, penyelidikan dan pembangunan sumber penting ini. Usaha gabungan ini menjanjikan impak positif dan masa depan yang lebih baik untuk semua.

سوروهنجاي قرحمدتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM
MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Lengkapkan Profil PSC 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
5. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MPKK) yang berkenaan)
6. Tandakan "1" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. Lengkapkan Maklumat (Oraikan / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersetujui dalam skim iklan)

Bagi Talian Whatsapp: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Ragi media sosial: PSC.BN

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn

Dalami konsep ajaran Islam sebenar



REKTOR UNISSA semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Ceramah Khas tersebut.

GADONG, Khamis, 25 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar mengadakan Ceramah Khas : Manifestasi Iman dalam Menjaga Interaksi Sosial

Oleh: Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

bersama Profesor Kunjungan di Fakulti Usuluddin, UNISSA, Profesor Dr. Haji Abdul Somad, yang berlangsung di Dewan Auditorium universiti berkenaan petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Juga hadir sama, penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Antara inti pati yang dapat diambil daripada ceramah khas berkenaan ialah dalam Al-Quran Islam menekankan tiga aspek utama iaitu iman, ritual dan interaksi sosial dalam menjaga 'hablum minal Allah'

PROFESOR Dr. Haji Abdul Somad semasa menyampaikan Ceramah Khas Ceramah Khas : Manifestasi Iman dalam Menjaga Interaksi Sosial (kanan). Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada ceramah tersebut.



dan 'hablum minan nas'.

Justeru, iman seseorang tidak akan sempurna jika mengabaikan aspek ritual dan interaksi sosial dengan al Khaliq iaitu Allah dan juga makhluk ciptaan-Nya.

Maka seorang mukmin yang sejati akan memastikan ketiga-tiga aspek tersebut sentiasa diamalkan dan dipelihara demi mencari reda dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Tujuan ceramah khas tersebut diadakan adalah sebagai

perkongsian ilmiah dalam sama-sama menjadikan warga UNISSA khususnya pelajar-pelajar dalam memahami konsep ajaran Islam yang sebenar.

جائين فرانتفن ايكونومي دان ستاتيسټيڪ
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun

PenggunaBijak

Available on the App Store | Get it on Google play



PESTA PENGGUNA KE-28 DILANCARKAN



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Pengarah D'Sunlit Sdn. Bhd. selaku tetamu-tetamu khas hadir pada Majlis Perasmian Pesta Pengguna Ke-28 (atas). Sementara gambar bawah, antara pameran rangkaian produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengguna yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Rabu, 24 Januari. - Pesta Pengguna (Consumer Fair - CF) adalah merupakan acara yang paling dinanti-nantikan pada setiap tahun, dan kini kembali lagi bagi Edisi Ke-28, dengan menawarkan pelbagai pilihan produk beraneka barangan, perkhidmatan dan makanan termasuk aktiviti menarik untuk orang ramai.

Dianjurkan oleh D'Sunlit Sdn. Bhd., Majlis Perasmian CF Ke-28 disempurnakan oleh tetamu-tetamu khas iaitu Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Mohammad Harris bin Brigadier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim; dan Pengarah D'Sunlit Sdn. Bhd., Dato Paduka Haji Danial bin Haji Hanafiah.

Juga hadir pada perasmian berkenaan ialah perwakilan daripada agensi kerajaan,

perwakilan asing dari Australia, Bangladesh, Kemboja, Perancis, India, Korea, Laos, Malaysia, Myanmar, Pakistan, Filipina, Singapura, Kuwait, Thailand, Timor-Leste, Turkiye, dan Amerika Syarikat termasuk syarikat-syarikat korporat dan para pengusaha yang menyertai CF Ke-28.

CF Ke-28 akan berlangsung selama lima hari berkenaan bermula hari ini sehingga 28 Januari 2024 di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas dengan membawa tema 'New Year, New Me', yang menetapkan arus bagi inspirasi dan motivasi diri selain mendorong para individu untuk memulakan tahun baharu dengan penuh keyakinan dan membuat pilihan yang tepat.

Melalui tema berkenaan juga, ia bertujuan untuk mengalu-alukan orang ramai yang ingin meneroka keseronokan dan keberanian

baharu kerana terdapat 500 vendor yang boleh didapati di pesta berkenaan.

Selain itu, jawatankuasa penganjur CF berkenaan juga turut menyediakan pelbagai aktiviti menarik dan menyeronokkan termasuk program yang dianjurkan oleh rakan kongsi acara dan vendor.

Bukan itu sahaja, seorang pengunjung bertuah juga akan berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah utama, iaitu sebuah kereta Toyota Raize ditaja oleh Toyota Brunei - NBT (Brunei) Sdn. Bhd.

Malah setiap pengunjung juga akan berpeluang membawa pulang pelbagai hadiah menarik dengan menyertai cabutan bertuah, iaitu dengan membuat pembelian daripada para vendor sepanjang lima hari acara berkenaan berlangsung.

Para pengunjung dinasihatkan untuk membawa beg kitar semula di sepanjang pesta berkenaan diadakan atau boleh mendapatkan beg kitar semula edisi CF Ke-28 yang ada dijual.

Sejak pertama kali dianjurkan pada 2008, CF sentiasa menyasarkan untuk menyediakan platform untuk mempromosikan Perusahaan Kecil dan

Sederhana (PKS) tempatan bagi mempamerkan rangkaian produk dan perkhidmatan mereka secara terus kepada pengguna.

Sejak dilancarkan, ia terus berkembang dengan mantap dengan peningkatan bilangan pempamer dan pengunjung setiap tahun.

Pesta berkenaan dibuka bagi kunjungan orang ramai bermula jam 10.00 pagi hingga 10.00

malam kecuali Jumaat, ditutup dari jam 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang bagi Sembahyang Fardu Jumaat.

Untuk maklumat lanjut, bolehlah menghubungi penganjur, D'Sunlit Sdn. Bhd. melalui talian +673 245 3666 dan bagi mengetahui maklumat terkini, layari laman media sosial Instagram @consumerfair.bn dan Facebook Brunei Consumer Fair.





KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Lelaki

Wanita

Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita

Faktor Risiko:

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- Pernah menghidap kanser kolorektal.
- Berat badan yang berlebihan.
- Merokok.
- Tidak aktif.
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- Minum minuman keras yang berlebihan.

Langkah Pencegahan:

- Tidak merokok.
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Elakkan meminum minuman keras.
- Meningkatkan aktiviti fizikal.
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.

Tanda-tanda kanser kolorektal:

- Perubahan dalam pergerakan usus.
- Darah dalam najis.
- Sakit perut yang berpanjangan.
- Kembung perut.
- Kurang selera makan.



PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari www.ppkk.gov.bn



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Jangan Leka Dengan Jenayah Penipuan Kewangan'. Tarikh Tutup : 31 Januari 2024
- 'Mengukuhkan Semangat Patriotisme'. Tarikh Tutup : 7 Februari 2024
- 'Lakukan Perubahan Dalam Pencegah, Merawat Kanser'. Tarikh Tutup : 14 Februari 2024

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

125 TENAGA PENGAJAR BAHARU SERTAI PROGRAM INDUKSI

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Januari. - Seramai 125 tenaga pengajar baharu menjalani Program Induksi selama lima hari, bermula hari ini hingga 31 Januari 2024 bertempat di Dewan Tokyo, Airport Mall, di sini.

Program Induksi anjuran Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Pendidik tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai maklumat-maklumat yang berkaitan sebelum

melangkah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai tenaga pengajar.

Selain itu juga sebagai platform untuk menjalinkan hubungan profesional antara rakan sekerja bagi meningkatkan kerjasama antara satu sama lain pada masa akan datang. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan semasa hadir selaku tetamu kehormat (kanan).

Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah selaku Pengerusi Jawatankuasa Program Induksi Bagi Tenaga Pengajar Baharu. Atur cara diteruskan dengan penyampaian ucapan tetamu kehormat majlis dan pembukaan rasmi program induksi.

Antara pengisian utama program termasuk aktiviti dan taklimat daripada jabatan-jabatan dari Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi luar termasuk Pejabat Wawasan dari Jabatan Perdana Menteri, Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Sejarah Brunei, Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Brunei, Jabatan Hal Ehwal Masjid Kementerian Hal Ehwal Ugama, Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei dan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan



dengan Kementerian Pendidikan.

Turut hadir, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua bahagian, ketua-ketua unit dan ketua-ketua pusat di bawah Pendidikan Teras, ketua-ketua kluster dan pegawai-pegawai kanan di Kementerian Pendidikan.

PENGARAH Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah selaku Pengerusi Jawatankuasa Program Induksi Bagi Tenaga Pengajar Baharu semasa berucap (kanan), manakala gambar kiri antara yang hadir pada program berkenaan.



Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Januari. - Dalam usaha memberikan kesedaran tentang pegangan akidah yang betul dan kesedaran dalam menghayati serta mengamalkan ibadat dengan sempurna menurut ajaran Islam serta untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar mengenai kepentingan akhlak Islam yang terpuji, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam (JPI) mengadakan Program Qalbun Salim bertempat di Dewan Serbaguna, PDI, hari ini.

Seramai lapan peserta lelaki dan 13 peserta perempuan yang terdiri daripada murid-murid sekolah agama Darjah VI daripada lapan buah sekolah agama iaitu Sekolah Ugama Pelambayan, Sekolah Ugama Delima Satu, Sekolah Ugama Mabohai, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Serusop, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Mentiri, Sekolah Ugama Pulaie, Sekolah Ugama Pular Ulak dan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah telah menyertai program

yang dikendalikan selama tiga hari bermula 23 hingga 25 Januari 2024.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta ialah Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

Acara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Awang Muhammad Hassanul Nazri bin Haji Faisal Hanafi dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Serusop.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada wakil peserta Program Qalbun Salim, Dayang Siti Nurfaresha binti Abdullah Radinman dari Sekolah Ugama Delima Satu, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Bahagian Penyebaran Da'wah, Pengiran Norhayati binti Pengiran Haji Kasharan.

Dalam ucapannya, Pengiran Norhayati berkata bahawa program antara lain bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar akan kepentingan

PEMANGKU Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta pada Program Qalbun Salim (kanan dan bawah).

berakhlak dengan akhlak Islam yang terpuji selain menimbulkan kesedaran dalam menghayati dan mengamalkan ibadat dengan sempurna menurut ajaran Islam.

Program Qalbun Salim ini, ujar beliau, sangat tepat dalam usaha PDI memperkasakan gerakan dakwah dengan dukungan tenaga pegawai-pegawainya yang mempunyai ilmu dan menguasai kaedah-kaedah penyampaian yang tepat dengan sasarannya iaitu anak-anak murid sekolah.

Acara kemudian diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta program yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Majlis diakhiri dengan bacaan Surah Al-Asr dan Tasbih Kaffarah.

Antara tajuk-tajuk kursus yang diajarkan di sepanjang Program Qalbun Salim termasuk Akidah, Taharah (praktikal Wuduk dan Tayamum), Akhlak, Perisai Diri, Dare to Change dan Uja Hatiku yang disampaikan oleh tenaga pembimbing terdiri daripada para pegawai dan kakitangan Bahagian Penyebaran Da'wah, PDI.

Program tersebut diharap akan dapat memberikan manfaat



kepada para peserta dan memberi nilai tambah dalam menghadapi kehidupan sebagai seorang pelajar dan meraih keimanan yang mantap

serta dapat mengamalkan ajaran Islam dengan penuh keyakinan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.



سوروهنجاي فرخدمتن عوام

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

TIPS MEMUAT NAIK

PERINGATAN: Pastikan menggunakan pelayar seperti Google Chrome / Mozilla Firefox / Safari

- #1** Format fail yang betul

PDF: Kad Pengenalan, Lesen Memandu, Sijil, Transkrip & Lain-lain Dokumen

JPG / PNG: Gambar Berukuran Passport (Gambar Profil)
- #2** Saiz fail tidak melebihi 3MB
- #3** Dokumen yang diimbas hendaklah dalam versi asal / berwarna
- #4** Nama fail tidak mengandungi sebarang simbol dan jarak (space)

PUISI

Islam Itu Indah

Islam itu indah,
Tiada mudah menyerah
Dan tiada mudah mengalah
Walaupun terasa susah
Namun segalanya tiada resah

Kerana,
Keindahan Islam tiada bandingannya
Walaupun banyak agama di dunia
Namun segalanya itu satu tujuan yang berharga

Namun,
Jika segalanya itu tiada dijaga
Segalanya itu sangat tiada harga
Hala tujuan entah ke mana
Membawa kehidupan tiada bermakna

Islam itu indah,
Segalanya menuju satu penentuan
Segalanya menuju satu tujuan
Menuju satu ketakwaan dan keimanan
Meninggalkan segala larangan
Dan mengerjakan segala suruhan

Dari itu,
Keindahan Islam harus dipertahankan
Jangan tersalah menuju haluan
Kerana perjalanan masih jauh ke depan
Kerana masih banyak halangan dan dugaan
Harus percaya diri dengan ketabahan

Oleh :
Adi Asma
Beribi Gadong
June, 2018

PESERTA BENGKEL MEMBACA TULISAN JAWI LAMA DALAM MANUSKRIP TERIMA SIJIL



PARA pembentang dan peserta semasa bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Sijil yang diadakan di Galeri Sejarah, Pusat Sejarah Brunei.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Sejarah Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Januari. - Majlis Penyampaian Sijil kepada para pembentang dan peserta yang mengikuti Bengkel Membaca Tulisan Jawi Lama Dalam Manuskrip diadakan petang tadi di Galeri Sejarah, Pusat Sejarah Brunei (PSB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.

Bengkel berkenaan telah berlangsung selama dua hari, iaitu bermula pada Selasa, 23 Januari 2024 dan berakhir pada hari ini.

Bengkel berkenaan dikendalikan dan ditunjuk cara oleh tiga fasilitator, iaitu Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

(KUPU SB), Awang Azman bin Haji Kassim; Penolong Kanan Profesor, KUPU SB, Dr. Haji Harapandi bin Dahri; dan Jurutulis Jawi, PSB, Awang Alomsa Nor Adzmin bin Haji Alli Omar.

Bengkel berkenaan disertai oleh 21 peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan PSB serta pegawai dan kakitangan di bawah KKBS, iaitu Jabatan Muzium-Muzium; dan Dewan Bahasa dan Pustaka



سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PERATURAN-PERATURAN IKLAN JAWATAN AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

Bab 7(A)

Peraturan 7(A): Dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

*termasuk Gaji Hari, Luar Bidang Kuasa SPA dan Luar Negeri



Bab 38(B)

Peraturan 38(B): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan.

*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA

Bab 38(A)

Peraturan 38(A): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA



DARI MAHKAMAH

Lelaki warga asing didenda miliki barang tegahan

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Januari. - Seorang lelaki warganegara Bangladesh dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND22,000 atau 13 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret Fatin Fikriyah binti Haji Rosli menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Md. Yousuf Khan di Mahkamah Majistret hari ini. Defendan mengaku bersalah dan didakwa memiliki 22 karton rokok pelbagai jenis, wang tunai dan satu unit telefon bimbit.

Defendan yang berumur 25 tahun itu ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Bandar Seri Begawan di kawasan Rumah Kampung Delima Dua pada 10 Januari 2024, sekitar jam 10.00 malam.

Kesemua barang yang terlibat iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke Kerajaan bagi tujuan dimusnahkan manakala wang tunai iaitu hasil penjualan rokok juga dihukum rampas serta diserahkan ke pihak kerajaan.

SUNTIK SEMANGAT PATRIOTISME PELAJAR



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Januari. - Jabatan Penerangan telah mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Peranan dan Tanggungjawab Sebagai Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam' di Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan di Daerah Belait, hari ini.

Di DBM, taklimat yang dikendalikan oleh Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik telah diadakan di Dewan Auditorium, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (Maktab Duli), Gadong.

Taklimat dihadiri seramai 412 penuntut itu disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Turut hadir, Pengetua Maktab, Dayangku Hajah Nooramaliatifah binti Pengiran Haji Ahmad;

Timbalan Pengetua Pentadbiran, Dr. Mohd Zamri bin Haji Ismail dan para tenaga pengajar. Taklimat ini dijadikan sebagai salah satu perisian sempena Hari Melayu Islam Beraja bagi maktab berkenaan.

Manakala di Daerah Belait pula, seramai 208 penuntut IBTE Kampus Jefri Bolkihah, Kuala Belait menghadiri Taklimat Kenegaraan yang dikendalikan oleh Cawangan Penerangan Daerah Belait.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Musa bin Mohiddin bertempat di Dewan Serbaguna kampus berkenaan. Turut hadir, Pegawai Pentadbiran, Dayang Zahrina binti Zainal Abidin berserta tenaga pengajar.

Antara perisian taklimat yang disentuh di kedua-dua buah sekolah berkenaan adalah mengenai peranan dan tanggungjawab rakyat kepada negara dan pemerintah, jahteraan negara.

Program antara lain bertujuan untuk menanamkan rasa cinta kepada raja, bangsa dan negara di samping menyuntik semangat patriotisme dalam diri para penuntut melalui taklimat yang disampaikan selain dihasratkan bagi mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 dan inisiatif dalam Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035.



KETUA Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Musa bin Mohiddin (atas) dan Ketua Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris (bawah) semasa menyampaikan taklimat secara berasingan.



ANTARA pelajar yang hadir pada taklimat berkenaan (atas kiri dan kiri).

Sumber Foto : Ricardo Jr Agrano Portuguez, Top 10, Mammals Category, BWPC 2022, JPH

Nama Binatang : Silvered Leaf Monkey / Silvery Langur / Silver Lutung

Kelas Spesies : Mammals

Order : Primates

Nama Tempatan : Cikok

Nama Saintifik : Trachypithecus cristatus

IUCN : Vulnerable / Terdedah

CITES : Appendix II

Silvered Leaf Monkey / Cikok

Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

KENALI Hidupan Liar Kitani untuk bulan ini akan mengeksplorasi dunia menarik spesies mamalia iaitu Silvered Leaf Monkey, Silvery Langur atau Cikok. Silvered Leaf Monkey, Silvery Langur atau Cikok, adalah sejenis primat yang memukau dengan rupa yang menarik. Dikenali dengan warna bulunya yang perak dan hitam, Cikok memiliki tubuh yang ramping dan ekor yang panjang. Mata mereka yang besar memberi sentuhan khas pada wajah mereka, menjadikan mereka salah satu mamalia yang menarik untuk dikaji.

Cikok tergolong dalam genus Trachypithecus dan memiliki nama saintifik Trachypithecus cristatus. Mereka merupakan sebahagian daripada keluarga Cercopithecidae yang terdiri daripada primat-primat ekor panjang.

Habitat asli Cikok adalah di hutan sekunder (*secondary forest*), hutan tropika dan subtropika di Asia Tenggara, termasuk Brunei Darussalam. Mereka biasanya berada di ketinggian rendah hingga menengah, menikmati kehidupan di kanopi hutan. Permakanan Cikok adalah tumbuhan, daun, buah, dan tunas hutan.

Bulu badan Cikok berwarna kelabu gelap, dengan kilauan keperakan dalam cahaya matahari yang kuat, dan mukanya berwarna kelabu gelap atau hitam. Cikok dewasa memiliki bulu yang lebih cerah dan panjang berbanding dengan anak-anak mereka yang lebih pudar. Di awal kelahiran, anak Cikok mempunyai bulu berwarna oren dan tangan, kaki dan muka berwarna putih. Bulu berwarna oren ini akan bertukar kepada warna Cikok dewasa (kelabu gelap) dalam masa tiga hingga lima bulan. Anak-anak Cikok biasanya lebih aktif dan suka bermain dalam kumpulan mereka.

Cikok memainkan peranan penting dalam ekosistem hutan sebagai penyebar benih.

Mereka membantu dalam pemulihan hutan dengan menyebarkan biji-biji tumbuhan melalui sisa-sisa makanan mereka.

Keunikan Cikok terletak pada warna bulu perak mereka dan peranan vital dalam menjaga keseimbangan ekosistem. Kelebihan mereka sebagai penyebar biji membantu menyokong pertumbuhan hutan yang sihat.

Cikok diiktiraf di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa dalam Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam (CITES) di bawah senarai Appendix II dan juga tersenarai sebagai spesies Vulnerable (Terdedah) dalam Red List of Endangered Wildlife oleh International Union for Conservation of Nature (IUCN). Ini menandakan bahawa spesies ini perlu dilindungi dan diurus pemuliharaannya.

Menyelamatkan Cikok bukan sahaja penting untuk alam sekitar, tetapi juga memberikan peluang ekonomi yang melibatkan komuniti setempat dalam pemuliharaan dan aktiviti ekopelancongan serta membantu memberikan sumber

pendapatan tambahan dan meningkatkan kesedaran tentang kepelbagaian biologi.

Kami berharap biskita telah dapat mempelajari sesuatu yang baru dan menarik mengenai spesies haiwan ini kerana setiap hidupan liar memainkan peranan unik dalam ekosistem kita, dan bergantung kepada kita untuk memelihara dan melindungi mereka.

Sedikit tips dan saranan untuk abiskita; sentiasa mengamalkan kebersihan kawasan persekitaran dan pastikan tong sampah ditutup dengan rapi dan ketat bagi mengelakkan dari gangguan dan kehadiran spesies-spesies monyet liar.

Sila ikuti setiap keluaran bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar kitani yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun instagram Jabatan Perhutanan : forestry. brunei.

Lindungi hidupan liar kitani untuk memulihara hutan kitani.



55 PESERTA PERDENGARKAN BACAAN PADA HARI TERAKHIR

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Januari. - Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah diteruskan lagi bagi hari keenam dan terakhir yang berlangsung di Tingkat 7 dan 8, Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan.

Pada sebelah pagi seramai 35 peserta bertanding, manakala pada sebelah petang pula seramai 20 peserta bertanding bagi Kategori 'C' yang membawa sejumlah keseluruhannya seramai 107 peserta menyertai Musabaqah Menghafaz Al-Quran bagi Kategori 'C'.

Peserta Musabaqah Menghafaz Al-Quran bagi Kategori 'C', iaitu

menghafaz Surah

Al-Baqarah dan Surah Al-Imran berserta pemahaman Surah Yunus dan Surah Hud.

Pada tahun ini, seramai 306 peserta telah mendaftar untuk mengikuti Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah.

Daripada jumlah berkenaan, hanya 12 peserta sahaja akan dipilih bagi setiap kategori yang mempunyai markah 65 peratus ke atas untuk mara ke Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan seterusnya.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya adalah merupakan salah satu projek tahunan Kementerian Hal Ehwal



SUASANA hari terakhir bagi Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah yang berlangsung di Kondominium Ong Sum Ping (atas dan atas kiri).

Ugama melalui Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam dan merupakan antara pengisian dalam atur cara Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara yang diadakan pada setiap tahun.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk menggalakkan umat Islam di negara ini untuk berjinak-jinak mencintai Al-Quran melalui hafazan dan menjadikannya sebagai satu rutin dan amalan harian.

Penutupan sementara kaunter mahkamah

Siaran Akhbar : Jabatan Kehakiman Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Januari. - Jabatan Kehakiman Negara ingin memaklumkan bahawa Mahkamah Besar dan Kaunter Pembayaran Mahkamah Besar Sivil, Bandar Seri Begawan dan Mahkamah Rendah dan Kaunter Pembayaran Mahkamah Rendah, Bandar Seri Begawan akan ditutup pada 1 Februari 2024 iaitu pada sebelah pagi. Penutupan tersebut adalah bagi memberi laluan kepada Upacara Pembukaan Tahun Undang-undang 2024.

Mahkamah Besar dan Kaunter Pembayaran Mahkamah Besar Sivil, Bandar Seri Begawan dan Mahkamah Rendah dan Kaunter Pembayaran Mahkamah Rendah, Bandar Seri Begawan akan dibuka semula pada jam 2.00 petang pada hari yang sama. Sehubungan itu, pihak mahkamah memohon maaf atas apa jua kesulitan yang timbul olehnya.

Pengundian, pemilihan calon Penghulu Mukim Kota Batu

Siaran Akhbar : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Januari. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) sukacita ingin memaklumkan kepada para penduduk Mukim Kota Batu bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Kota Batu akan diadakan selama dua hari, iaitu pada Jumaat, 16 Februari 2024 bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan disambung bermula pada jam 2.00 petang hingga 4.00 petang dan pada Ahad, 18 Februari 2024 bermula jam 8.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di Sekolah Rendah Pintu Malim (tertakluk kepada sebarang perubahan).

Sehubungan dengan itu, Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Kota Batu akan menggunakan dua kaedah, iaitu secara kertas undi (*ballot papers*) pada 16 Februari 2024 dan 18 Februari 2024.

Manakala, melalui undian dalam aplikasi mudah alih E-UNDI PMKK akan dibukakan mulai pada 16 hingga 18 Februari 2024.

Oleh itu, kepada para penduduk Mukim Kota Batu yang belum mendaftar, bolehlah mendaftar menggunakan Borang Daftar Pengundi melalui Ketua Kampung dan Pemangku Ketua Kampung masing-masing ataupun melalui Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, JDBM sebelum Jumaat, 16 Februari 2024.

Manakala bagi Mobile Aplikasi boleh mendaftar melalui aplikasi mudah alih E-UNDI PMKK sebelum Khamis, 15 Februari 2024, jam 8.00 pagi.

JDBM seterusnya menjunjung dan mempersilakan para penduduk Mukim Kota Batu untuk hadir mengundi di majlis berkenaan pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan.



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**

Info Penuh Senarai Iklan

Bilangan Iklan	2022/AUG/33	Bahagian	II
Jawatan	PEGAUAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II	Tangga Gaji	8.2 EB.3
Kementerian	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	Kekosongan	1
Jabatan	PUSAT SEJARAH BRUNEI	Jenis Iklan	7(A)
Unit		Tarikh Mula	05 SEPTEMBER 2022
		Tarikh Tutup	19

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGAGAI R.2 EB.3:**
Iziah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Bahasa Arab / Pengajian Islam / Pengajaran Islam / Pengurusan / Syariah / Usuluddin atau bidang berkaitan.
Memiliki kebolehan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGAGAI R.2:**

Syarat-Syarat Am:

(A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(B) Pemohon mempunyai pengetahuan keaslian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei.

bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau (shift) atau semasa cuti awam dan juga tugas di mana-mana daerah di negara ini.

dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah memberi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK**.



372 PELAJAR BAHARU SMALHB MULAKAN SESI PENGAJIAN



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Januari. - Seramai 372 pelajar baharu yang terdiri daripada 182 pelajar lelaki dan 190 pelajar perempuan pagi tadi memulakan sesi pengajian di peringkat Pra U1



di Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) bagi sesi akademik 2024/2025.

Daripada jumlah keseluruhan pelajar berkenaan, seramai 177 pelajar mengikuti jurusan Syariah; 120 pelajar mengikuti dalam jurusan Usuluddin; 31 pelajar mengikuti jurusan Lughah; dan 44 pelajar mengikuti jurusan Umum.

Majlis pendaftaran diisikan dengan sesi acara keagamaan yang berlangsung di Surau At-Taqwa dan diikuti dengan kata alu-aluan oleh Pemangku Pengetua SMALHB, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohammad, dan diteruskan dengan sesi suai kenal dan taklimat oleh pihak sekolah.

SMALHB merupakan satu-satunya institusi pra universiti Arab sebelum para pelajar melangkah ke peringkat pengajian yang lebih tinggi, iaitu ke peringkat universiti.

Menurut Awang Muhammad

PEMANGKU Pengetua SMALHB, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohammad semasa menyampaikan kata alu-aluan (kanan). Manakala gambar kiri dan bawah kiri, antara pelajar yang menghadiri majlis pendaftaran berkenaan berlangsung di Surau At-Taqwa.



Qahir bin Haji Rosley, pelajar Pra U2 jurusan Usuluddin, juga Yang Di-Pertua Majlis Pelajar SMALHB 2023/2024, beliau menjelaskan selain pembelajaran formal dalam kelas, mereka juga berpeluang untuk melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti kokurikulum, di samping menjalin hubungan silaturahim sesama rakan seperjuangan.

Sementara itu salah seorang pelajar Pra U1 jurusan Umum 2, Dayangku Nurul Fadhlina Natasya binti Pengiran Haji Shahril Azman pula menyatakan rasa kegembiraan beliau diterima masuk ke SMALHB.

"Alhamdulillah, setentunya saya

berasa sangat gembira memasuki sekolah yang berprestij ini dan diterima masuk ke jurusan Umum 2, ini merupakan salah satu impian terbesar saya," jelasnya.

Manakala Awang Ahmad Sa'ed bin Haji Muhammad Bahrin, pelajar Pra U1 jurusan Syariah pula melahirkan harapan untuk belajar ilmu Syariah secara mendalam lagi dan berharap pada suatu hari nanti beliau akan mendapatkan biasiswa untuk menyambung belajar di Mesir.

9 warga asing ditahan semasa Operasi Kabat



OPERASI Kabat 12 / 2024 yang menyasarkan sebuah rumah sewa di Mukim Berakas 'A'.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Januari. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Bandar Seri Begawan telah melaksanakan satu operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat 12 / 2024 yang menyasarkan sebuah rumah sewa di Mukim Berakas 'A'.

Hasil daripada operasi dan pemeriksaan tersebut telah menahan sembilan warga asing yang kemudiannya dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Tujuh warga asing dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

Seorang dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1) Akta Imigresen Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa, manakala seorang lagi atas kegagalan menunjukkan dokumen yang sah.

Untuk peringatan orang ramai, menyalahgunakan syarat-syarat Pas-pas Imigresen iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan, Pas Kerja, Pas Tanggungan dan Pas Penuntut akan diambil tindakan dengan sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi daripada BND2,000 atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali di bawah peruntukan Bab 58A, Akta Imigresen dan tindakan seterusnya pas-pas pesalah imigresen akan dibatalkan dan diusir dari negara ini.

Bagi maklumat berhubung dengan pesalah Imigresen, JIPK mengalu-alukan orang ramai untuk menghubungi talian JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

LUPA TOKEN PSCR 2.0?



CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961) atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan



Bermukun, adat Melayu yang tidak lapuk ditelan zaman

Rencana : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Ihsan Awang Irwan Rino Nordin, Yang Dipertua Mukun Selendang Sutera Brunei

BERMUKUN merupakan salah satu aktiviti masyarakat Melayu yang mulanya berasal daripada Melayu Sarawak. Biasanya diadakan atau dilangsungkan ketika acara keramaian seperti majlis perkahwinan dan berkhitan. Bermukun merupakan salah satu tradisi warisan bangsa Melayu yang diturunkan dari zaman ke zaman.

Bermukun merupakan seni hiburan tradisional yang menggabungkan persembahan tarian dan pantun berirama yang diiringi oleh gesekan biola dan gendang. Ini dinyatakan oleh salah seorang penggemar seni memukun tanah air iaitu Awang Irwan Rino bin Nordin, Yang Dipertua Mukun Selendang Sutera Brunei berusia 43 tahun berasal dari Kampung Pandan Kuala Belait.

Bermukun sebenarnya dikenali sebagai salah satu aktiviti hiburan ketika berlangsungnya majlis perkahwinan dan masih dipraktikkan khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu, ianya turut menjadi warisan yang dipraktikkan di Negara Brunei Darussalam.

Malah, adat serta tradisi ini terus hidup ketika arus kemodenan pantas menghakis seni budaya lain dan kesanggupan sesetengah pihak yang mengadakan keramaian khas untuk bermukun ini akan terus menyuburkan irama asli sejak berzaman. Bahkan ianya dilihat sebagai salah satu daripada usaha kuat mengangkat martabat bermukun dalam kalangan masyarakat umum khasnya generasi baharu.

Penglibatan awal Awang Irwan

Sejarah awal penglibatan Awang Irwan Rino dalam seni bermukun ialah pada tahun 1993 ketika diminta oleh Cikgu Masri bin Haji Lahid untuk membuat persembahan bermukun sempena hari penutup sekolah dan ketika itu masih bersekolah di Sekolah Rendah Kuala Belait.

"Di sinilah bermulanya jalan cerita penglibatan saya dalam dunia bermukun, di mana kami diajar cara lagu bermukun, belatih menari Mukun, cara mencipta pantun secara spontan. Secara peribadi di sinilah minat saya dengan budaya yang unik tersebut," ujar Irwan.

Selain itu, Awang Irwan juga sering mengikuti rancangan Bermukun Di Radio Brunei Nasional FM yang disiarkan pada setiap malam Selasa.

"Dari sini saya cuba menghayati pantun, menghayati bermukun. Pada ketika itu, penyampai rancangan Bermukun Di Radio ialah Tuan Haji Zaini Bin Haji Yusof, ini membuat saya lebih tertarik dan berminat selain itu saya juga melihat orang bermukun secara dekat di majlis keramaian perkahwinan untuk menambah sedikit pengetahuan."

Pandangan mengenai bermukun

Bagi Awang Irwan Rino, budaya Mukun ini adalah salah satu budaya lama berasal dari Negeri Sarawak dan satu tradisi yang unik.

Jelasnya di negara *kitani* sejak dulu lagi sudah ada budaya Mukun

ini dan memukun dinyanyikan melalui pantun secara spontan, disinilah kegunaan pantun yang kemudiannya diajarkan kepada anak-anak dari generasi baharu untuk belajar menyusun ayat dan suku kata ayat dalam berpantun kerana pantun adalah khazanah warisan orang Melayu *kitani* dan tidak boleh pupus.

Bermukun dan anak-anak

Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi, begitulah juga kepada anak Awang Irwan Rino yang turut mewarisi budaya Mukun sejak mereka berusia 12, 11 dan 9 Tahun.

Menurut anak-anak Awang Irwan iaitu Awang Abdul Qayyum, Awang Abdul Quddus dan Awang Abdul Qawi, mereka berpendapat aktiviti bermukun boleh mendatangkan hasil pendapatan selain mempertahankan seni budaya Mukun supaya tidak hilang ditelan zaman.

"Ianya amat menyeronokkan, selain merupakan satu budaya tetapi juga sebagai satu hiburan yang paling unik serta jarang ada pada generasi belia," terang mereka.

Sehingga kini mereka ditubuhkan sebagai satu kumpulan Mukun yang dinamakan Kumpulan Mukun Juragan Muda Brunei di bawah Kelab Budaya Mukun Selendang Sutera Brunei Darussalam (KBMSSBD).

Pencapaian KBMSSBD

KBMSSBD sering menyertai pertandingan bermukun dalam dan luar negara. Memang tidak dapat dinafikan pemukun Brunei sering

kali mengharumkan nama negara dalam mana-mana pertandingan Seni Budaya Mukun, antaranya :

- Johan Pertandingan Bermukun Festival Gendang Melayu Sarawak pada tahun 2012 di Putrajaya Kuching Sarawak anjuran Dewan Bahasa Dan Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Peradapan Melayu Sarawak

- 3 Tahun juara Mukun Festival Mukun SeBorneo di Pekan Bekenu Anjuran RTM Miri FM

- Johan Pertandingan Bermukun Regatta Mukah 2015

- Johan Pertandingan Bermukun Festival Makanan Daerah Sibu Sarawak 2017

- Juara Mukun Sarawakiana 2016 Anjuran Pustaka Negeri Sarawak

- Juara Pertandingan Bermukun Festival RTM Limbang FM 2012

- Juara Pertandingan Bermukun Sempena Kempen Ikan Yu anjuran Jabatan Perikanan Miri Sarawak pada tahun 2017

- Johan Pertandingan Bermukun Sempena Hari Keputeraan KDYMM anjuran Jabatan Daerah Brunei Dan Muara pada Tahun 2017

- Naib Juara Festival Gendang Melayu Sarawak pada tahun 2018 dan 2019 anjuran Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negeri Sarawak

Pencapaian anak-anak dalam bermukun

Selain itu, anak-anak Awang Irwan juga turut mencapai beberapa

kejayaan, antaranya :

- Johan Pertandingan Bermukun Sempena Hari Keputeraan KDYMM anjuran Jabatan Daerah Belait

- Juara Pertandingan Bermukun Festival SeBorneo kategori Kanak-Kanak Di Pekan Bekenu anjuran RTM Miri Sarawak pada tahun 2014 dan 2015

- Juara Pertandingan Bermukun Sarawakiana anjuran Pustaka Negeri Sarawak pada Tahun 2014 - 2015 dan 2016

Warisan seni memukun

"Sebagai salah satu budaya warisan negara pada pandangan saya wajar ia diteruskan agar ianya tidak pupus ditelan zaman. Bahkan sebagai satu daya tarikan masyarakat Melayu juga warga asing untuk diketengahkan sebagai satu produk hiburan kecil-kecilan negara *kitani*, kerana keunikan budaya ini tidak terdapat di negara lain dan hanya terdapat di Negara Brunei Darussalam dan Sarawak sahaja.

"Warisan memukun adalah adat tradisi yang harus bergerak seiring dalam dunia menghadapi arus globalisasi yang semakin mencabar, ini dapat dilihat seperti di negara maju, seni dan budaya tradisional masih kukuh sehingga tidak luput ditelan zaman.

"Seni dan budaya itulah yang menjadikan sesebuah negara itu seimbang dari segi kemajuan zahir dan lahiriahnya," jelas Awang Irwan.

Masyarakat akan lebih menghargai nilai dan norma dengan adanya pengisian di hati mereka mengenai peri pentingnya menjaga seni warisan tradisi turun-temurun kerana ia mengandungi falsafah kehidupan yang tinggi.





PEGUAM PERANCIS BERKATA TERDAPAT BUKTI MENCUKUPI UNTUK ICC KELUAR WARAN TANGKAP KE ATAS PEGAWAI ISRAEL

THE HAGUE, 26 Jan. - Peguam Perancis, Gilles Devers, yang terkenal kerana pembelaannya terhadap mangsa Palestin di Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC), berkata terdapat bukti kukuh untuk mewajarkan waran tangkap dikeluarkan ke atas pihak berkuasa Israel.

Devers yang diiringi pasukan peguamnya, bertemu di The Hague untuk berunding dengan Pejabat Pendakwa ICC dan Pejabat Mangsa, lapor Agensi Anadolu.

Bercakap kepada Agensi Anadolu, Devers berkata Pejabat Pendakwa mempunyai bukti yang mencukupi untuk mewajarkan

waran tangkap dikeluarkan terhadap pegawai Israel, memetik syak wasangka yang munasabah yang disokong bukti kukuh.

Pelbagai bukti telah dikemukakan kepada ICC termasuk dokumen yang memperincikan serangan tanpa henti tentera Israel ke atas orang awam di Gaza, sasaran yang disengajakan terhadap infrastruktur penjagaan kesihatan dan pemindahan hampir 2 juta orang.

Devers menekankan mengenai penghujahan komprehensif mereka yang terdiri daripada 1,800 halaman, dengan rujukan khusus kepada laporan daripada

agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Beliau menekankan mengenai penderitaan yang dialami orang awam yang dikepung oleh tentera Israel di Gaza, selain ancaman kebuluran.

Devers yang menunjukkan skala korban yang tidak pernah dilihat sebelum ini dalam konflik, turut mengecam kemusnahan sistem bekalan air dan elektrik yang penting selain keruntuhan maruah manusia.

Beliau berkata Israel melaksanakan taktik untuk mengosongkan Gaza menerusi serangan yang disengajakan ke atas orang awam, termasuk kanak-kanak, orang tua dan orang kurang upaya.

"Tidak pernah ada begitu banyak korban dalam mana-mana

peperangan sebelum ini, satu-satunya peperangan yang saya lihat di mana kanak-kanak diserang. Ia telah menjadi tempat penggunaan senjata paling berat di kawasan bandar dan serangan dilakukan ke atas kanak-kanak, bayi baru lahir, orang tua, orang sakit dan kini turut melibatkan orang mati. Apabila tanah perkuburan dimusnahkan, mesejnya mudah : 'Kamu tidak lagi boleh hidup di sini. Keluar!'"

Berdasarkan semua bukti ini, Devers mahu ICC mengambil langkah perlu, dengan berkata : "Kami menjangkakan keputusan tegas daripada pihak pendakwa."

Angka kematian rakyat Palestin akibat serangan Israel di Semenanjung Gaza sejak 7 Oktober lepas telah meningkat kepada 25,900, menurut

Kementerian Kesihatan di wilayah yang dikepung, pada Khamis.

Kementerian itu dalam satu kenyataan berkata 64,110 yang lain cedera.

Menurut PBB, kira-kira 85 peratus daripada penduduk Gaza kehilangan tempat tinggal akibat serangan itu dan terputus bekalan makanan. Beratus ribu penduduk hidup tanpa tempat perlindungan, dan kurang daripada separuh trak bantuan memasuki wilayah itu berbanding sebelum konflik bermula.

Sementara itu, Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) akan mengumumkan keputusan yang ditunggu-tunggu pada Jumaat terhadap tuntutan Afrika Selatan untuk mendapatkan perintah sementara dalam kes genosidnya terhadap Israel. - ©BERNAMA

Kotak hitam pesawat tentera Il-76 dijumpai di Wilayah Belgorod Rusia

MOSCOW, 25 Jan. - Kedua-dua kotak hitam milik pesawat tentera Rusia Il-76 yang ditembak jatuh dijumpai di lokasi nahas di wilayah Belgorod, lapor Xinhua, memetik Sputnik pada Khamis.

"Kedua-dua kotak hitam iaitu perakam data penerbangan dan perakam suara telah ditemukan," lapor Sputnik, memetik perkhidmatan kecemasan.

Kotak hitam itu telah pun diserahkan kepada pasukan penyiasat. Pada Khamis, Agensi Berita Interfax memetik kenyataan seorang Ahli Parlimen Rusia sebagai berkata bahawa Rusia dan Ukraine akan terus bertukar tawanan perang meskipun selepas insiden itu. - ©BERNAMA

Keputusan kes genosid Israel dikeluarkan Jumaat - ICJ

THE HAGUE, 25 Jan. - Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) akan mengumumkan keputusannya pada Jumaat berhubung permintaan langkah-langkah sementara yang dikemukakan Afrika Selatan dalam kes genosid Israel, lapor Agensi Berita Palestin (WAFA).

Kes berkenaan membabitkan Pelaksanaan Konvensyen Mengenai Pencegahan dan Hukuman Jenayah Genosid di Semenanjung Gaza (Afrika Selatan lawan Israel), menurut mahkamah menerusi satu kenyataan media.

Sidang umum akan berlangsung pada 1 petang di Peace Palace di The Hague, Belanda dan perintah mahkamah akan dibacakan.

Pada 29 Dis 2023, Afrika Selatan memfailkan kes terhadap Israel, menuduhnya melakukan "genosid" ketika pencerobohan ke atas Gaza.

Perbicaraan mengenai kes itu telah berlangsung selama dua hari bermula 11 Jan. - ©BERNAMA

Keanggotaan NATO : Sweden gesa Erdogan segera ratifikasi undian parlimen Turkiye

COPENHAGEN, 24 Jan. - Kerajaan Sweden menyambut baik kelulusan Parlimen Turkiye pada Selasa mengenai penyertaan negara Nordik itu dalam NATO dan menggesa Presiden Recep Tayyip Erdogan memuktamadkan ratifikasi itu secepat mungkin, lapor Agensi Berita Jerman (dpa). "Hari ini, kami satu langkah lebih dekat untuk menjadi ahli penuh NATO," tulis Perdana Menteri Ulf Kristersson di X, pada petang Selasa.

Menteri Luar Tobias Billstrom juga menyambut baik berita dari Ankara itu. "Sudah tentu bagus bahawa Parlimen Turkiye kini telah mengundi menyokong (penyertaan Sweden ke NATO)," katanya kepada stesen radio SVT.

Langkah seterusnya adalah bagi Erdogan untuk menandatangani protokol penyertaan dan menerbitkannya dalam Warta Rasmi. Billstrom berkata ini sepatutnya berlaku secepat mungkin - tidak ada alasan untuk menunggu sehingga Parlimen menyelesaikan peranannya. - ©BERNAMA

Tanah runtuh Cameron Highlands : Mayat pertama berjaya dikeluarkan

CAMERON HIGHLANDS, 26 Jan. - Mayat mangsa pertama yang tertimbus dalam kejadian tanah runtuh di Blue Valley dekat sini berjaya dikeluarkan pada 11.05 pagi ini.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang Ismail Abdul Ghani berkata mayat lelaki warga Myanmar itu diserahkan kepada polis untuk urusan

selanjutnya.

Beliau berkata usaha mencari dan menyelamat empat lagi mangsa di kawasan runtuhan masih diteruskan.

"Kawasan agak berbahaya, buat masa ini, kita tidak benarkan pihak media masuk sehingga keadaan selamat," katanya dan menambah kesemua mangsa merupakan pekerja asing.

Dalam kejadian 2.51 pagi tadi, seorang lelaki maut, manakala empat lagi dikhuatiri masih tertimbus dalam kejadian tanah runtuh itu.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Cameron Highlands mengesahkan kesemua lima mangsa merupakan warga Myanmar berusia antara 25 hingga 56 tahun. - ©BERNAMA

Rakyat Palestin terpaksa kisar makanan haiwan ganti tepung gandum

GAZA, (Palestin), 25 Jan. - Penduduk Palestin di utara Semenanjung Gaza mula mengisar makanan haiwan ternakan untuk membuat roti kerana kekurangan tepung gandum susulan Tel Aviv menyekat bantuan kemanusiaan.

Agensi Anadolu melaporkan bahawa hampir tiada bantuan kemanusiaan sampai ke bahagian utara Gaza, manakala rakyat Palestin yang tinggal di wilayah itu bergelut untuk mendapatkan makanan.

Makanan binatang ternakan dijual di utara Gaza untuk kegunaan manusia kerana bekalan tepung gandum yang terhad.

Beberapa video memaparkan rakyat Palestin terpaksa memakan roti yang diperbuat daripada makanan haiwan ternakan manakala kucing dan anjing

dilihat menggigit-gigit mayat yang bergelimpangan di jalanan.

Di bandar selatan Khan Younis, tindakan tidak berperikemanusiaan tentera Israel terus berlanjutan, membiarkan mayat rakyat Palestin mereput tanpa dikebumikan serta menghalang orang ramai daripada mengeluarkan mayat dari runtuhan.

Saksi mendakwa terdapat beberapa rakyat Palestin cuba kembali ke lokasi serangan untuk mencari jenazah insan tersayang tetapi menjadi sasaran kereta kebal Israel.

Saksi juga mendakwa terdapat ambulans yang cuba membawa beberapa mayat ke Kompleks Perubatan Nasser di pusat bandar tetapi anggota paramedik terpaksa melarikan diri akibat diserang kereta kebal Israel.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu (PBB) memberi amaran bahawa 2.2 juta penduduk di Semenanjung Gaza menghadapi risiko kebuluran.

Walaupun Israel membenarkan beberapa traktankamanusiaan masuk ke Semenanjung Gaza, trak ini diedarkan terutamanya di kawasan selatan Gaza manakala kawasan utaranya kekal terpinggir akibat pengepungan.

Sekurang-kurangnya 25,700 rakyat Palestin terbunuh manakala 63,740 lagi cedera sejak 7 Okt tahun lalu.

Serangan rejim Israel menyebabkan 85 peratus penduduk Gaza hilang tempat tinggal di tengah-tengah krisis kekurangan makanan, bekalan air bersih dan ubat-ubatan manakala 60 peratus infrastruktur di wilayah itu rosak atau musnah, menurut PBB. - ©BERNAMA

Alaska Airlines temukan 'banyak bolt longgar' pada pesawat Boeing Max 9

ISTANBUL, 24 Jan. - Pemeriksaan dalaman yang dilakukan Alaska Airlines ke atas pesawat Boeing 737 Max 9 miliknya menemukan banyak bolt longgar pada jet itu, kata Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Ben Minicucci pada Selasa.

"Saya lebih daripada kesal dan kecewa, saya marah. Perkara ini berlaku kepada Alaska Airlines. Ini berlaku kepada tetamu kami

dan berlaku kepada kakitangan kami. Permintaan saya kepada Boeing ialah apa yang mereka akan lakukan untuk meningkatkan program kualiti dalaman mereka," kata Minicucci semasa bercakap dengan saluran media Amerika Syarikat (AS) NBC.

Sebelum ini, Alaska Airlines membatalkan beberapa penerbangan yang melibatkan pesawat Boeing 737 MAX 9

selepas panel pada kabin sebuah jet tercabut semasa penerbangan Alaska Airlines awal bulan ini, memaksa pesawat mendarat cemas.

Susulan kejadian itu, Pentadbiran Penerbangan Persekutuan mengarahkan semua pesawat Boeing Max 9 digantung operasinya dan melancarkan siasatan keselamatan. - ©BERNAMA



KOMITED KE ARAH TADBIR URUS BAIK, BERTANGGUNGJAWAB



PRESIDEN Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam, Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff semasa membincangkan situasi terkini perkembangan FABD buat kali pertama sejak perantian sesi 2024 - 2028 (kiri). Sementara gambar kanan, sekitar suasana bilik mesyuarat berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam

BERAKAS, Khamis, 25 Februari. - Pengurus-pengurus kelab bola sepak yang bernaung di bawah payung Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) buat julung kalinya duduk semeja bersama Presiden dan Jawatankuasa Eksekutif FABD bagi membincangkan situasi terkini perkembangan FABD buat kali pertama sejak perantian sesi 2024 - 2028.

Presiden FABD, Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff pada mesyuarat tersebut telah meminta sokongan daripada ahli-ahli dan memperkuat komitmen kepada tadbir urus yang baik dan bertanggungjawab.

"Kita sama-sama bekerjasama dalam kelangsungan kejayaan perkembangan, pembangunan dan kejayaan bola sepak di Negara Brunei Darussalam," jelasnya ketika menyampaikan ucapan pembukaan di Bilik Mesyuarat, Bangunan FABD House, baru-baru ini.

Sementara itu, Timbalan Presiden FABD, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni pula menjelaskan kedudukan dari laporan audit bagi tahun kewangan 2022 dan membuat persiapan untuk proses pengauditan 2023 bagi membolehkan FABD mendapatkan peruntukkan kewangan bagi tahun 2024 dan seterusnya.

Mesyuarat adalah sebagai langkah kepada persiapan bagi Kongress Luarbiasa yang akan dijangka diadakan pada pertengahan Februari depan.

Di samping itu, perjumpaan berkenaan merupakan langkah positif FABD untuk memberi transparensi kepada semua ahli-ahlinya dalam pengurusan dan perkembangan semasa bagi indung persatuan bola sepak di negara ini.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pemangku Setiausaha Agung, Awang Ahmad Za'eem bin Omarali yang turut membukakan pandangan dan buah fikiran daripada wakil-wakil kelab yang hadir.

Muhammad Akmal Yamin juara pertandingan Beyblade

Berita dan Foto : Ihsan DBos Beys Beyblade Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Januari. - Muhammad Akmal Yamin bin Muhammad Luqman dari Pasukan Santai Aja Bladerz muncul juara setelah berjaya menewaskan Aediesopian bin Haji Ismail juga dari pasukan Jakisha Bladers (JB) dengan mata 6 - 5 dalam perlawanan akhir

Beyblade X, 'Kight Shield Battle' anjuran DBos Beys Beyblade Brunei Darussalam yang diadakan di Teratak DBos di Kampung Mentiri sekali gus berjaya membawa pulang hadiah utama berupa sebuah televisyen Matrix 32 inci.

Sementara itu, di tempat ketiga dan

keempat disandang oleh Norhayati binti Abd. Latip dari Pasukan Underground Beys (UB).

Manakala pemenang hadiah Top 8 di sandang oleh JB Abd. Malik Sofri, BM Aqmal, UG Norhayati dan JB Aediesopian.

Dalam perebutan 'Liga Beyblade Brunei

Darussalam bagi tahun 2023/2024', Pasukan JB masih mengungguli carta liga dengan memperoleh 122 mata diikuti UB dengan 73 mata berjaya memintas pasukan Pasukan Ghostbeys yang memperoleh 72 mata serta pasukan Santai Aja Bladerz yang mengutip 65 mata dan Beyblade Madness (BM) dengan 7 mata.



M U H A M M A D
Akmal Yamin bin Muhammad Luqman dari Pasukan Santai Aja Bladerz muncul juara dan berjaya membawa pulang hadiah utama berupa sebuah televisyen Matrix 32 inci.

Tahukah Awda

SEMUA pengendali takaful, syarikat insurans dan ejen insurans/takaful am adalah dimestikan untuk mendaftar ke Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD). Oleh itu, pastikan awda hanya berurusan dengan pengendali takaful, syarikat-syarikat insurans dan ejen insurans/takaful am yang berdaftar sahaja. Untuk memastikan bahawa ejen awda dilesenkan, awda boleh meminta ejen tersebut untuk melihatkan sijil lesen yang telah diberikan oleh AMBD untuk mengesahkan kelayakannya sebagai ejen.

SUMBER : www.bdc.gov.bn

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JADIKAN AL-QURAN SEBAGAI PANDUAN HIDUP